



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut

**Projek Pasukan
PLC Daerah**

ATMA BAHASA

@

**SELEKOH AKHIR
SPM 2022**

TIMUR LAUT PENERAJU KEGEMILANGAN

Puitis Kata, Segunung Harapan
Timbalan PPD (Sektor Pembelajaran)



Alhamdulillah, dengan rahmat dan keizinan-Nya jua maka Modul Atma Bahasa @ Selekoh Akhir SPM 2022 berjaya dihasilkan dengan usaha guru-guru yang terlibat dalam Program Professional Learning Community (PLC) Mega Bahasa Melayu yang melibatkan sembilan buah sekolah di Daerah Timur Laut. Rakaman penghargaan yang tidak terhingga juga diberikan kepada Pegawai SiSC+ Bahasa PPDTL, barisan jurulatih utama yang banyak memberi bantuan, sokongan dan bimbingan, dan guru-guru yang telah berusaha gigih untuk menghasilkan modul ini agar dapat meningkatkan kemahiran menjawab murid.

Pejabat Pendidikan Timur Laut mengharapkan agar semua guru di Pulau Pinang dapat membuka lambaran baharu untuk menilai, menganalisis strategi dan taktikal supaya dapat melakukan penambahbaikan terutama dalam menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti untuk kegunaan murid di sekolah. Prinsip ini menjadi batu loncatan dan motivasi untuk kita melakukan inisiatif yang padu bagi membantu anak-anak didik di Daerah Timur Laut agar beroleh kecemerlangan dalam SPM nanti. Oleh itu, penghasilan Modul Atma Bahasa @ Selekoh Akhir SPM 2022 merupakan salah satu strategi untuk membantu meningkatkan pencapaian aspirasi

murid agar berimpak tinggi dan selari dengan slogan Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut iaitu Timur Laut Peneraju Kegemilangan dan slogan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang iaitu Pulau Pinang Peneraju Transformasi Pendidikan Negara.

Semoga matlamat dan hasrat murni ini dapat membantu murid calon SPM menggapai cita-cita mereka untuk cemerlang dalam peperiksaan nanti dengan modul yang berinovasi serta kompetitif yang memberi impak tinggi kepada kecemerlangan murid di negeri ini. Insya-Allah, semoga Tuhan mengabulkan permintaan ke atas hamba-Nya yang telah berusaha.

Sekian, wassalam.

RASHIDA BINTI SK ABDUL KADER
Timbalan PPD (Sektor Pembelajaran)
Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut.

PANEL PENGGUBAL

ATMA BAHASA @ SELEKOH AKHIR SPM 2022



Dr. YUSNITA BINTI MD YUNUS
SISC+ BAHASA
SEKTOR PEMBELAJARAN
PPD TIMUR LAUT



NURUL IZA BINTI ISMAIL
JURULATIH UTAMA
DAERAH TIMUR LAUT
SMK HAMID KHAN



C.VIVEKANANTHAA @ ANANTH
JURULATIH UTAMA
DAERAH TIMUR LAUT
SMK ST.XAVIER

NAMA GURU

SITI NOR FAZIRA BINTI SURUN
MOHD AZHADI
LIM FONG THINN
NURAINI BINTI HARUN
NABILAH BINTI AHMAD NIZAR
FATIMAH ZAHARAH BINTI REJAB
NUR HAFIZAH BT MD AZNI
MUHAMAD HARFIZI BIN MD ZAIN
NUR FATINA KAMILI BINTI NOOR
NOOR AINI BINTI AHMAD

SEKOLAH

- **SMT TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA**
- **SMK SUNGAI NIBONG**
- **SMK WESTLANDS**
- **SMK JELUTONG**
- **SMK AIR HITAM**
- **SMK (P) METHODIST**
- **SMKA AL-MASHOOR (L)**
- **SMK BUKIT GAMBIR**
- **SMK ABDULLAH MUNSHI**
- **PENANG FREE SCHOOL**

KANDUNGAN

KERTAS 1 (100 MARKAH)

BAHAGIAN A [30 MARKAH]		
BIL.	SET MODUL	HALAMAN
1	SET 1	1
2	SET 2	2
3	SET 3	3
4	SET 4	4
5	SET 5	5
BAHAGIAN B [70 MARKAH]		
6	SET 1	6
7	SET 2	8
8	SET 3	10
9	SET 4	13
10	SET 5	15

KERTAS 2 (100 MARKAH)

SOALAN 1: MORFOLOGI		
BIL.	SET MODUL	HALAMAN
1	SET 1	17
2	SET 2	17
3	SET 3	18
4	SET 4	19
5	SET 5	19
SOALAN 2: SINTAKSIS		
6	SET 1	20
7	SET 2	20
8	SET 3	21
9	SET 4	21
10	SET 5	22
SOALAN 3: PENYUNTINGAN		
11	SET 1	23
12	SET 2	24
13	SET 3	25
14	SET 4	26
15	SET 5	27

SOALAN 4: BAHASA STANDARD		
16	SET 1	28
17	SET 2	28
18	SET 3	29
19	SET 4	29
20	SET 5	30
SOALAN 5: PERIBAHASA		
21	SET 1	31
22	SET 2	32
23	SET 3	32
24	SET 4	33
25	SET 5	33
SOALAN 6: PEMAHAMAN UMUM		
26	SET 1	34
27	SET 2	36
28	SET 3	38
29	SET 4	40
30	SET 5	42
SOALAN 7: PEMAHAMAN SASTERA		
31	SET 1	45
32	SET 2	48
33	SET 3	51
34	SET 4	53
35	SET 5	55
SOALAN 8: PEMAHAMAN NOVEL		
36	SET 1	57
37	SET 2	58
38	SET 3	59
39	SET 4	60
SOALAN 9: RUMUSAN		
40	SET 1	61
41	SET 2	63
42	SET 3	65
43	SET 4	67
44	SET 5	69

KARANGAN KOMBINASI KEPELBAGAIAN BAHAN RANGSANGAN

SET 1

Bahagian A

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 30 minit]

*Maklumat di bawah berkaitan dengan **E-Sukan**. Huraikan pendapat anda tentang **kelebihan E-Sukan**. Panjangnya huraian hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.*



E-Sukan

E-Sukan ialah suatu bentuk permainan video yang dipertandingkan dan dimainkan dengan penuh semangat kesukanan yang tinggi. Semakin besar pertandingan, wang terkumpul yang ditawarkan juga semakin besar dan secara tidak langsung boleh menjana pendapatan seseorang pemain. Pemain E-Sukan perlu mempunyai disiplin yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka perlu mengamalkan gaya hidup sihat dan mengelakkan perkara yang boleh menjejaskan kesihatan seperti merokok.

Sumber : Buku Teks Tingkatan 4

SET 2

Bahagian A

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan **budaya membaca**. Huraikan pendapat anda tentang cara menggalakkan budaya membaca. Panjangnya huraian hendaklah antara **150 hingga 200** patah perkataan.



Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia mengetengahkan konsep kepelbagaian budaya dan pemuliharaan alam sekitar. Pelaksanaan aktiviti pembacaan dan perbukuan akan disemarakkan di bandar raya Kuala Lumpur dengan pelbagai aktiviti, iaitu:

- Penganjuran pelbagai bentuk aktiviti membaca
- Penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur
- Pembangunan minat membaca dalam kalangan remaja

Sumber : Buku Teks Tingkatan 4

SET 3

Bahagian A

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan **pelajar cemerlang**. Huraikan pendapat anda tentang **ciri-ciri pelajar cemerlang**. Panjangnya huraian hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.

Murid cemerlang mempunyai pengurusan masa yang cemerlang. Mereka menganggap masa itu umpama emas.

(Sumber : Sifoo Sidee, 2015. *Belajar Biar Betul*. Shah Alam : Alaf 21)

Orang biasa yang melakukan tindakan luar biasa menghasilkan prestasi luar biasa.

(Sumber : Mohd Fadzilah bin Kamsah, 2006. *Tip Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Millinea)

Matlamat merupakan suatu daya usaha yang memulakan langkah kita menuju ke arah jalan kejayaan.

(Sumber : Hushim Haji Salleh, 2009. *10 Elemen untuk Mencapai Kejayaan*. Klang: Bukit Tinggi Business Management)

Tiada Alasan untuk Kejayaan

Ombak cabaran kuharungi
Lembah dugaan kutempuhi
Hutan kesulitan kurentasi
Gunung harapan kudaki

Demi sebuah piala kejayaan
Halangan bukanlah alasan
Kendala bukanlah rintangan
Diatasi dengan pedoman

Oleh :

*Nur Syakila binti Mohd Isa,
Kamunting, Perak.*

SET 4

Bahagian A

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan **kejiranan alaf baharu**. Huraikan pendapat anda tentang **langkah memupuk semangat kejiranan**. Panjangnya huraian hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.

Kejiranan Alaf Baharu

Jiran umpama keluarga. Hidup berjiran sangat penting bagi semua lapisan masyarakat. Jiranlah yang akan membantu ketika kita ditimpa sebarang musibah. Pelbagai aktiviti kejiranan alaf baru sering dilakukan bagi mengeratkan hubungan sesama jiran. Komuniti beriadah, sambutan perayaan dan jualan amal diadakan bagi menarik minat penduduk setempat untuk saling berinteraksi dan bekerjasama menjayakan semua aktiviti tersebut.

(Dipetik dan diubah suai daripada, “Jiran Sepakat Membawa Berkat,” *Metro Harian*, April, 2020)

LARIAN AMAL

Persatuan Penduduk Taman Gemilang

Tarikh : 10 September 2020

Masa : 7.00 pagi

Tempat : Dataran Gemilang

Jarak Larian : 5.0 km

Yuran : Percuma

**setiap penyertaan akan menerima kemeja-T percuma.*

**medal untuk pemenang pertama hingga ketiga bagi setiap kategori (kanak-kanak dan dewasa)*



SET 5

Bahagian A

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan **perkhidmatan e-panggilan**. Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan perkhidmatan e-panggilan**. Panjangnya huraian hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.

E-panggilan

- Makanan
- Barangan
- Pengangkutan

Perkhidmatan e-panggilan membolehkan saya menempah kenderaan dari mana-mana lokasi. Saya juga boleh mengesan kedudukan dan laluan pemandu serta berkomunikasi dengan pemandu jika perlu.

Encik Mohd Badrul bin Zaman
Penumpang
(Sumber : Buku Teks Tingkatan 5)



APA KATA MEREKA?



Saya berpeluang untuk menambahkan pendapatan keluarga dengan menjadi pemandu sambilan. Konsep menggunakan kenderaan sendiri menjadikan saya tidak terbeban dengan pajakan sewa kenderaan. Saya boleh log masuk dan log keluar sistem aplikasi e-panggilan pada bila-bila masa.

Encik Abd. Rahman bin Mazlan,
Pemandu
(Sumber : Buku Teks Tingkatan 5)

KARANGAN RESPONS TERBUKA

SET 1

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

Soalan 1 - DOMAIN PERIBADI

Sesetengah masyarakat sangat mementingkan kebersihan, walau bagaimanapun masih ada yang tidak mengendahkan kepentingan menjaga kebersihan. Dari sudut kesihatan, penjagaan kebersihan adalah salah satu perkara amat ditekankan. Hal ini termasuk penjagaan diri dan kawasan persekitaran diduduki. Bagi kanak-kanak dan warga tua, mereka lebih terdedah kepada penyakit khususnya wabak dan virus. Oleh itu, penjagaan kebersihan perlu diberi pendedahan, penekanan dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat.

(Sumber: *Metro Online*, 25 Mei 2020)

Sebagai seorang remaja yang menjaga kebersihan dan kesihatan diri, nyatakan cara-cara untuk menjaga kesihatan dan kebersihan diri.

Soalan 2 - DOMAIN AWAM

KUALA LUMPUR: Sikap masyarakat menentukan sama ada Malaysia akan bertambah pulih daripada wabak COVID-19 seperti di Wuhan, China ketika ini atau berisiko menjadi pusat wabak baharu virus itu seperti di negara Eropah. Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr N Ganabaskaran, berkata mengambil kira sikap rakyat Malaysia yang tidak mahu bekerjasama dengan kerajaan dalam mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan, beliau percaya ia mungkin akan memburukkan lagi keadaan penularan COVID-19.

(Sumber: *Berita Harian Online*, 23 Mac 2020)

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam membendung penyakit berjangkit. Namun begitu, usaha ini sentiasa menghadapi pelbagai cabaran ekoran sikap masyarakat itu sendiri.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk mencegah wabak COVID-19?

Soalan 3 - DOMAIN AWAM

Masalah obesiti dalam kalangan pelajar bukan perkara baharu, malah kadar yang makin meningkat mendorong kerajaan menjalankan pelbagai usaha, program, kempen dan aktiviti untuk meningkatkan kesedaran, di samping langkah pencegahan. Antara faktor dikenal pasti menyumbang masalah obesiti membabitkan pelajar adalah kelemahan ibu bapa mendidik dengan pengetahuan makanan yang baik, gaya hidup dan sikap pengusaha kantin serta penjaja membekalkan makanan tidak seimbang.

(Sumber: *Metro Online*, 3 November 2018)

Obesiti atau kegemukan dalam kalangan remaja semakin meningkat dan amat membimbangkan. Jelaskan keburukan obesiti dan cara-cara mengatasinya.

Soalan 4 - DOMAIN INDIVIDU

Kita baru sahaja meraikan sambutan Hari Alam Sekitar iaitu pada tanggal 5 Jun yang lalu. Setiap tahun pada tarikh tersebut, seluruh dunia meraikan Hari Alam Sekitar bermatlamat untuk mempertingkatkan tahap kesedaran masyarakat dunia terhadap isu alam sekitar serta mempertingkatkan tindakan dan penglibatan mereka terhadap sebarang perubahan yang berlaku kepada alam sekitar. Walaupun disambut dengan tema yang berbeza setiap tahun, namun tujuannya hanyalah untuk melestarikan alam sekitar daripada terjejas atau musnah akibat perlakuan manusia yang tidak berharmoni dalam tindak-tanduk seharian mereka. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia tahun ini bertemakan kepelbagaian biologi iaitu “Time for Nature”.

(Sumber: *Bernama*, 12 Jun 2020)

Alam sekitar yang bersih penting dalam kehidupan kita. Jelaskan langkah-langkah yang patut kita lakukan untuk menjaga kebersihan alam sekitar.

SET 2

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

Soalan 1 - DOMAIN KERJAYA

KUALA LUMPUR – Sudah tiba masanya pasukan yang beraksi dalam Liga Malaysia tidak terlalu mengagungkan jurulatih luar, sebaliknya memberi lebih penghargaan dan peluang kepada jurulatih tempatan.

Itu reaksi Pensyarah Kanan Sains Kejurulatihan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr. Zulakbal Abd Karim ketika diminta mengulas mengenai kejayaan empat jurulatih tempatan yang membawa pasukan masing-masing mara ke pentas separuh akhir Piala FA musim ini.

Menurut Pengajar Elit Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) itu, pencapaian yang diraih jurulatih tempatan itu menjadi petunjuk betapa mereka memiliki mentaliti dan taktikal lebih baik menerusi kemenangan yang dilakar oleh barisan pemain mereka ke atas pasukan lawan.

(Sumber: *Berita Harian*, 30 November 2020)

Petikan akhbar di atas menyatakan jurulatih tempatan lebih layak melatih barisan pelapis negara. Tulis rencana akhbar tentang sebab-sebab jurulatih tempatan perlu dilantik untuk membimbing ahli sukan negara

Soalan 2 - DOMAIN PERIBADI

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak telah mengisytiharkan bahawa silat sebagai seni mempertahankan diri rasmi negara. Sehubungan itu, beliau mahu seni silat terus dikembangkan ke seluruh pelosok negara tanpa sekatan.

(Sumber : Ucapan Mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, dalam perjumpaan rasmi Himpunan Silat Pesaka Merdeka)

Pengisytiharan di atas telah membuktikan seni pertahanan diri kian mendapat tempat dalam kalangan orang ramai.

Jelaskan pendapat anda tentang faedah-faedah mempelajari seni pertahanan diri.

Soalan 3 - DOMAIN AWAM

Kerajaan Serius Perbaiki Prestasi Sukan Merosot

KUALA LUMPUR - Kerajaan menunjukkan keseriusannya untuk memperbaiki pencapaian sukan negara yang semakin merosot terutamanya sukan teras kejohanan peringkat dunia.

Presiden Persatuan Penulis-Penulis Sukan Malaysia (SAM), Ahmad Khawari Mohd Isa berkata peruntukan RM 103 juta yang diumumkan oleh mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada pembentangan bajet 2015 mampu melonjakkan mutu sukan negara.

“Selain mampu melonjakkan program peringkat asas seperti mengenal pasti bakat daripada kalangan pelajar sekolah, peruntukan untuk enam sukan utama juga penting bagi memperbaiki pencapaian di peringkat tertinggi.

(Dipetik dan diubah suai daripada *Utusan Borneo Online*, 12 Oktober 2014)

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa Malaysia mengalami kemerosotan dalam mutu sukan negara walaupun suatu masa dahulu Malaysia merupakan negara yang digeruni dalam beberapa jenis sukan.

Huraikan usaha-usaha yang perlu diambil untuk meningkatkan mutu sukan negara.

Soalan 4 - DOMAIN PENDIDIKAN

Bidang sukan memainkan peranan yang penting bagi melahirkan insan yang sihat, cergas dan produktif agar dapat memberikan sumbangan kepada kesejahteraan sosial serta pembangunan ekonomi negara. Pelbagai aktiviti sukan diperkenalkan bagi menarik minat murid agar mengamalkan gaya hidup sihat. Sukan seharusnya mendapat pengiktirafan, sokongan dan galakan yang sama dengan bidang akademik supaya dapat melahirkan murid yang seimbang dari segi kesejahteraan minda dan jasmani.

(Sumber: *Jurnal 1 Murid 1 Sukan*, Mei 2016)

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan kepentingan penyertaan murid dalam bidang sukan.

Huraikan pendapat anda tentang cara-cara untuk mempromosikan kelab sukan sekolah.

SET 3

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

Soalan 1 - DOMAIN KERJAYA

Pertanian memberi jaminan masa depan yang cerah sekiranya pengusaha memiliki minda positif, keazaman yang kuat dan perlu sentiasa peka dengan teknologi terbaharu berkaitan pertanian. Namun sekiranya mahu menjadi peladang kerana melihat kejayaan usahawan lain, tidak akan ke mana-mana kerana bidang ini bukanlah kerjaya main-main atau hanya suka-suka.

(Dipetik dan diubah suai daripada *BH Online*, 23 Mei 2019)

Petikan tersebut memaparkan maklumat berkaitan dengan aktiviti peladang. Sebagai wartawan, anda diminta mewawancara seorang tokoh peladang wanita sempena Hari Peladang peringkat kebangsaan. Dalam pertemuan tersebut anda bertanyakan cabaran-cabaran menjadi seorang peladang yang berjaya.

Tulis hasil **wawancara** tersebut sepenuhnya.

Soalan 2 - DOMAIN KERJAYA

Nurin dan rakan-rakannya telah mengunjungi pameran kerjaya di sebuah universiti. Semasa melawat ke tapak pameran, Nurin telah mengambil sekeping risalah tentang kerjaya dalam bidang penerbangan. Nurin berbincang dengan rakannya tentang maklumat yang terdapat dalam risalah tersebut.

(Dipetik dan diubah suai daripada *Dewan Siswa*, Bil.08 2018)

Berdasarkan perbincangan tersebut, sebagai seorang pelajar jelaskan cara-cara untuk mencapai cita-cita bagi menjadi seorang juruterbang yang berjaya pada masa hadapan.

Soalan 3 - DOMAIN AWAM

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) melihat keperluan untuk menerajui industri makanan secara keseluruhan, bukan sahaja dalam konteks pengeluaran atau pembekal makanan, tetapi keseluruhan rantaian nilai makanan. Ketika ini Dasar Agromakanan Negara (2011-2020) berada pada peringkat akhir pelaksanaan, begitu juga dengan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK – 11). Berdasarkan prestasi semasa, sektor agromakanan mencapai pertumbuhan 3.1 peratus berbanding dengan sasaran 5.4 peratus yang ditetapkan. Teknologi seperti penggunaan dron, sistem pertanian pintar, kecerdasan buatan dan data raya dengan dibantu oleh peningkatan penggunaan mekanisasi, benih bermutu yang rintang penyakit serta berdaya tahan tinggi daripada kesan perubahan iklim serta amalan agronomik mapan akan dapat mengubah landskap sektor agromakanan negara dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang.

(Dipetik dan diubahsuai daripada petikan rencana
“Tingkat Usaha Transformasi Sektor Pertanian”
Oleh Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)

Berdasarkan petikan rencana tersebut, banyak lagi pendapat yang ingin anda berikan tentang langkah-langkah untuk memajukan lagi sektor pertanian negara.

Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah tersebut.

Soalan 4 - DOMAIN KERJAYA

PUTRAJAYA: Pengangguran di Malaysia meningkat kepada 772,900 orang pada kadar 4.8 peratus pada Disember 2020, demikian menurut perangkaan terkini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata bilangan penduduk bekerja pada Disember 2020 meningkat 0.1 peratus atau 19,300 orang kepada 15.22 juta orang selepas mencatatkan penurunan kecil pada bulan sebelumnya. "Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan kemampuan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan kekal pada 65.1 peratus," katanya dalam satu kenyataan. Mengikut sektor ekonomi, penduduk bekerja dalam sektor perkhidmatan terus mencatatkan trend yang semakin meningkat terutama dalam aktiviti perdagangan borong & runcit; kesihatan kemanusiaan & kerja sosial; maklumat & komunikasi dan pendidikan.

(Dipetik dan diubahsuai daripada petikan
“Berita Kadar pengangguran di Malaysia meningkat”
Oleh Mahanum Abdul Aziz)

Sebagai respons daripada berita di atas, murid-murid perlu mempunyai persediaan untuk melangkah ke alam pekerjaan. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah anda telah menganjurkan pertandingan pidato sempena Minggu Kerjaya 2021. Anda bercadang menyertai pertandingan tersebut dan memilih tajuk “Persediaan Remaja Sebelum Menempuh Alam Pekerjaan”

Sediakan teks pidato tersebut selengkapnya.

SET 4

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

Soalan 1 - DOMAIN KERJAYA

Novelis popular mampu meraih hasil royalti buku sehingga suku juta ringgit setahun. Bagi genre novel popular, Fauziah Ashari yang terkenal dengan novel Ombak Rindu yang diadaptasi ke layar perak pada 2005, beliau mampu meraih RM381,000 setahun hasil royalti buku. Fauziah berkata, beliau nekad menjadi pengarang sepenuh masa dengan harapan dapat memberikan manfaat kepada pembaca dan bukan sekadar hiburan semata-mata.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Cara mewujudkan hubungan baik dengan jiran'
oleh Abi Aasim www.today.salamweb.com, 22 Ogos 2020)

Petikan di atas membuktikan bahawa kerjaya sebagai penulis juga mampu memberikan pulangan yang lumayan sekiranya dilakukan secara bersungguh-sungguh.

Huraikan persediaan-persediaan yang perlu anda lakukan jika ingin menceburi kerjaya sebagai penulis.

Soalan 2 - DOMAIN AWAM

Bagi Amirul Aiman Helmi, pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan, beliau berasa teruja apabila puisi yang diciptanya terpilih untuk dikongsi bersama-sama Sasterawan Negara. Bengkel yang berlangsung selama tiga hari itu berjaya menghimpunkan lebih daripada 20 buah puisi.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Bengkel Penulisan Puisi Bersama-sama Sasterawan Negara", *Dewan Siswa*, Bil 11/2019)

Berdasarkan petikan majalah di atas, golongan remaja amat diperlukan memartabatkan bidang sastera di negara kita.

Bincangkan cara-cara untuk menggalakkan remaja minat dalam bidang sastera.

Soalan 3 - DOMAIN PENDIDIKAN

Bahasa Jiwa Bangsa

Gunakanlah Bahasa Kebangsaan Kita
Marilah Amalkan Ramai-ramai
Bahasalah Menyatukan Kita Semua
Yakinlah Bahasa Jiwa Bangsa
Marilah Mari Rakyat Semua
Buktikan Taat Setia dengan Satu Bahasa
Maju Bangsa dan Maju Negara
Megahkan Bahasa Kita
Bahasa Jiwa Bangsa.

Sebagai respons terhadap lirik lagu “Bahasa Jiwa Bangsa”, bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa pengantar pendidikan.

Jelaskan kepentingan-kepentingan mempelajari bahasa Melayu.

Soalan 4 - DOMAIN PERIBADI

Situasi bahasa yang saya alami hari ini adalah dari segi penggunaan bahasa rojak dalam kalangan pelajar. Kejadian ini berlaku ketika saya dan kawan-kawan menjamu selera di sebuah kedai petang tadi. Saya telah terdengar perbualan seorang pelajar semasa menelefon seseorang mungkin kawannya iaitu “*I* tengah makan ini, *you all* tunggu kejap la kat *site* biasa dalam *ten minute* *I* datang”. Setelah selesai berbual di telefon pelajar itu bergegas meninggalkan kedai tersebut untuk berjumpa dengan kawannya. Terdetik dalam fikiran saya tentang bahasa yang telah digunakan oleh pelajar tadi semasa bercakap dengan kawannya melalui telefon. Pelajar tadi telah menggunakan bahasa rojak kerana bahasanya yang bercampur antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris walaupun pelajar tersebut ialah pelajar Melayu.

(Dipetik dan diubah suai daripada
<https://amirulazwanbahasarojak.blogspot.com/2017/02/situasi.html>)

Penggunaan bahasa rojak dalam kalangan remaja telah menjadi rungutan dalam kalangan pendidik dan pencinta bahasa Melayu.

Berikan pendapat anda untuk menangani isu tersebut.

SET 5

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

Soalan 1 - DOMAIN AWAM

Sebagai rakyat Malaysia, rasa kesetiaan, kecintaan dan bersyukur dengan apa yang dinikmati bukan suatu kerugian, sebaliknya manifestasi kepada wajah dan keperibadian kita terhadap negara. Semangat patriotisme, seharusnya dipupuk sejak tadika, sekolah berterusan ke peringkat universiti sehingga menjangkau usia warga emas.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Berita Harian Online, 30 Ogos 2019)

Petikan di atas menyeru supaya kita mempunyai semangat patriotisme tanpa mengira umur dan latar belakang.

Bincangkan kepentingan menerapkan semangat patriotisme dan cinta akan negara dalam kalangan rakyat.

Soalan 2 - DOMAIN PENDIDIKAN

Pensyarah Kanan, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Dr Shahiron Shahidan berkata, dalam mendepani cabaran Industri 4.0, generasi muda khususnya perlu menguasai bidang STEM. Ini adalah bagi melahirkan modal insan yang mahir di dalam bidang teknologi masa hadapan yang menjadi teras dalam Industri 4.0.

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada Metro Online, 8 Oktober 2018)

Petikan akhbar di atas menunjukkan kepentingan dalam menguasai bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Bincangkan.

Soalan 3 - DOMAIN PERIBADI

Hubungan kejiiran yang mesra menghasilkan tahap kepercayaan sesama mereka yang lebih tinggi berbanding kejiiran yang kurang mesra. Hal ini jelas menunjukkan hubungan kejiiran adalah penting dalam membentuk perpaduan. Hubungan kejiiran yang baik ini boleh dizahirkan menerusi sumbangan penduduk melalui aktiviti yang dijalankan secara bersama-sama seperti aktiviti bergotong-royong dan sebagainya. Oleh itu, hubungan kejiiran yang baik adalah amat mustahak bagi membolehkan penghuninya menjalani kehidupan yang baik dan sempurna.

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada Jurnal Hubungan Kejiiran)

Petikan di atas menjelaskan semangat hidup berjiran perlu dititikberatkan dalam kehidupan seharian kerana jika dibiarkan akan menjejaskan perpaduan negara.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mengeratkan hubungan kejiiran?

Soalan 4 - DOMAIN KERJAYA

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengawal penularan wabak COVID-19 menyaksikan peralihan trend pengguna yang mendorong perniagaan untuk meneroka strategi baharu untuk berinteraksi dengan pengguna dan memudahkan proses urus niaga. Menurut Pengarah Urusan Serantau Shopee, Lan Ho. Perkara itu bukan hanya menyebabkan penerapan e-dagang yang kuat dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan, malah mewujudkan segmen pasaran baharu untuk industri berkenaan.

(Sumber : Dipetik daripada Berita Harian Online, 17 Mei 2020)

Jelaskan kelebihan-kelebihan menggunakan sistem perdagangan elektronik kepada pengguna dan peniaga.

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

SOALAN 1 : MORFOLOGI

Set 1

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata nama terbitan** dan **dua kata sendi nama**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Hadirin yang dihormati,

Aktiviti sukan, khususnya sukan air, merupakan satu aktiviti yang sangat menyeronokkan. Saya percaya hadirin juga gemar berkelah dan bersantai di badan air seperti di tepi pantai, jeram, dan taman tema air bukan? Namun, selain menghirup udara segar dan berenang di tepi pantai, pernahkah hadirin mengambil bahagian dalam aktiviti luncur udara, bersnorkel, mahupun selam skuba? Saya yakin bilangan yang pernah mencubanya boleh dikira dengan jari. Oleh itu, marilah sama-sama kita telusuri kepentingan sukan air kepada kita.

*Dipetik dan diubah suai daripada Menawan Samudera
(Kepentingan Sukan Air) Buku Teks Tingkatan 4,
Dewan Bahasa dan Pustaka (2019)*

[8 markah]

SET 2

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata hubung** dan **dua kata terbitan berawalan**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Kad pengenalan pada mulanya diperkenalkan oleh pemerintah Inggeris di Malaya melalui *Emergency [Registration Areas] Regulation 1948* bagi membendung ancaman pengganas komunis pada tahun 1948. Kad pengenalan ini digunakan untuk tujuan pengecaman dan pengagihan beras pada zaman darurat. Oleh yang demikian, kad pengenalan yang pertama ini juga dikenali sebagai “kad beras” kerana catuan makanan pada zaman darurat memerlukan bukti pengenalan diri untuk mendapatkan beras. Walau bagaimanapun, kad pengenalan telah melalui pelbagai perubahan selari dengan peredaran zaman.

*Dipetik daripada ‘Identitiku : Evolusi Kad Pengenalan’
Buku Teks Tingkatan 4, Kementerian Pendidikan Malaysia*

[8 markah]

SET 3

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata ganda** dan **dua kata sendi nama**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Sekumpulan remaja yang sedang mandi-manda di air terjun yang terletak di kawasan Gunung Ledang lari lintang-pukang apabila mendengar bunyi ngauman itu. Mereka bukannya tidak mengetahui haiwan yang menghuni belantara di kawasan gunung-ganang itu. Meskipun tubuh mereka bertiga sasa-sasa, namun masing-masing kecut perut mendengar bunyi tanpa diundang itu. Zul Ariffin dan Norman Hakim antara yang terawal mengheret tubuh mereka meninggalkan tempat itu dengan pantas. Cuma Saharul Ridzwan yang masih tercari-cari jam tangannya. Suasana pada mulanya yang begitu ceria bertukar menjadi huru-hara dalam sekelip mata.

*Dipetik dan diubah suai daripada “Menghidu Bahaya”
buku teks tingkatan 4, Halaman 90*

[8 markah]

SET 4

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata adjektif** dan **dua kata majmuk**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Pelbagai aktiviti menarik dan sarat dengan ilmu turut disediakan. Antaranya termasuklah acara senamrobik, program bual bicara bersama panel jemputan dan uji bakat kerjaya dalam bidang penyiaran bersama RTM, Bernama dan Radio IKIM. Selain itu, karnival ini turut menyediakan ruang niaga untuk 30 buah gerai makanan, pakaian, barangan digital pelbagai jenama dan kaunter kesihatan Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk pemeriksaan kesihatan. Di samping itu, para pengunjung juga boleh menonjolkan bakat kreatif dalam pertandingan melukis komik adaptasi daripada cerpen terpilih.

*Dipetik daripada Alam Kerjaya Terbentang Luas
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, Halaman 37*

[8 markah]

SET 5

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata penguat** dan **dua kata kerja terbitan**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Perjalanan dari Bandar Baru Bangi ke Pulau Pinang yang dikenali juga sebagai Pulau Mutiara kali ini sungguh lancar sekali. Pukul 8:30 pagi, kami sudah tiba di kawasan Rehat dan Rawat Tapah untuk sarapan dan solat sunat. Pukul 10:30 pagi, kami sudah pun merentas Jambatan Kedua Pulau Pinang. Perjalanan agak jauh tetapi tidak membosankan. Lagu-lagu daripada stesen radio tempatan yang disulami sembang santai bersama-sama keluarga meningkatkan keterujaan untuk cepat sampai.

*Dipetik daripada Pulau Mutiara, Buku Teks
Bahasa Melayu Tingkatan 5, Halaman 101)*

[8 markah]

SOALAN 2 : SINTAKSIS

SET 1

Berdasarkan petikan di bawah, **bina tiga ayat tanya** yang lengkap dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.

Ikan hiasan diletakkan di dalam akuarium atau kolam sebagai penyeri ruang rumah. Sektor ikan hiasan merupakan industri penting negara kerana berjaya mengeluarkan 325 juta ikan pada tahun 2019. Terdapat 548 pengusaha terlibat dalam industri ini. Pengusaha ikan hiasan perlu meningkatkan produktiviti bagi memenuhi pasaran tempatan dan antarabangsa. Oleh itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan untuk memajukan industri ini.

*Dipetik dan diubah suai daripada 'Rona Akuatik',
Buku Teks Tingkatan 5, Dewan Bahasa dan Pustaka*

[8 markah]

SET 2

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat bersusunan biasa** yang bergaris kepada ayat **bersusunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.

Generasi kini kurang menghayati semangat patriotisme kerana mereka tidak merasai kepayahan hidup dan pengorbanan para pejuang dahulu. Masyarakat tidak mengenang jasa tokoh-tokoh terdahulu. Malaysia kita yang aman dan makmur ini hasil daripada segala usaha mereka demi menuntut kemerdekaan. Tokoh-tokoh tempatan kurang dikenali dalam kalangan masyarakat walaupun telah banyak berjasa kepada negara. Pihak kerajaan dan media massa seharusnya memberi pendedahan atas jasa tokoh-tokoh tempatan agar mereka tidak dilupakan oleh generasi akan datang.

*Dipetik dan di ubah suai daripada "Punca Semangat
Nasionalisme Semakin Luntur" oleh Taufiq Rahman, Majalah
Pendidik, April 2019*

[6 markah]

SET 3

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis **subjek dan predikat** yang lengkap bagi **tiga** ayat yang anda pilih seperti yang berikut:

Subjek : _____

Predikat : _____

Pengusaha ikan hiasan perlu meningkatkan produktiviti bagi memenuhi pasaran tempatan dan antarabangsa. Cabaran ini boleh dicapai melalui kerjasama antara persatuan ikan hiasan dengan institusi penyelidikan. Teknologi dan inovasi penternakan ikan hiasan perlu dimajukan agar industri ikan hiasan negara kekal kompetitif dalam pasaran antarabangsa. Ikan hiasan yang dipasarkan mestilah terjamin kualitinya.

*Dipetik dan di ubah suai daripada “Cabaran Industri Ikan Hiasan”
Buku Teks Bahasa Melayu Ting 5, Halaman 91*

[6 markah]

SET 4

Berdasarkan petikan di bawah ini, nyatakan jenis ayat yang bergaris sama ada **ayat penyata, ayat perintah, ayat seruan atau ayat tanya** . Anda tidak perlu menyalin ayat tersebut semula.

ETON: (i) Sebab apa diberhentikan?

CIK PUAN: (ii) Ah, banyak sebabnya, malas saya nak ceritakan! (Memandang dan menghadap Eton dengan sungguh-sungguh). (iii) Awak tolonglah carikan kalau ada. Tapi, (iv) janganlah yang lembap sangat. Tak ada orang gaji tak apalah, kalau buat malu kita saja.

ETON: Ya, (v) saya masih ingat tentang minum teh dengan garam dulu.

CIK PUAN: Bukan itu saja. Awak tak tahu, masa Encik Jamal, ketua pejabat suami saya datang ke rumah, malu betul saya dibuat dek Si Minah. Awak fikirlah, sudu untuk sup ditaruhnya di tempat gulai. (vi) Malu, malu betul saya!

*Dipetik dan diubah suai daripada drama “Gendang Kosong” dlm.
Drama-drama Pilihan Usman Awang, 1987, Dewan Bahasa dan
Pustaka, Buku Teks Bahasa Melayu Ting 4, Halaman 141*

[6 markah]

SET 5

Berdasarkan petikan di bawah, **cerakinkan ayat majmuk yang bergaris kepada ayat tunggal** tanpa mengubah maksud asalnya.

Peranan jurusolek kesan khas ini jauh berbeza daripada jurusolek biasa. Jurusolek kesan khas memerlukan semua kemahiran dan kebolehan yang sama seperti jurusolek biasa. Masa hadapan kerjaya dalam bidang ini amatlah luas kerana khidmat jurusolek kesan khas ini amat diperlukan dalam industri perfileman. Jurusolek kesan khas perlulah meningkatkan kepakaran mereka agar mereka menjadi lebih serba boleh. Kualiti perkhidmatan jurusolek kesan khas juga harus ditingkatkan selaras dengan trend dan perkembangan semasa.

Dipetik dan di ubah suai daripada “*Solekan Ubah Wajah*”
Buku Teks Bahasa Melayu Ting 5, Halaman 31

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

SET 1

*Dalam petikan 1, terdapat **tujuh kesalahan bahasa** manakala petikan 2 terdapat **enam kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

PETIKAN 1

Hati ialah organ yang penting dalam tubuh manusia. Hati mempunyai fungsi yang penting seperti metabolisme dan fungsi sintesis kompaun asas. Kerosakan hati hanya disedari apabila kerosakannya telah mencapai tahap yang serius. Oleh kerana itu, seseorang perlu mempunyai pengetahuan asas yang penting misalnya, dapat mengenal pasti penyakit yang melibatkan hati dan mengetahui cara untuk membendung kerosakan hati. Organ hati merupakan organ dalam yang paling terbesar sekali di dalam tubuh manusia. Purata anggaran berat hati ialah 1.5 kilogram. Berdasarkan statistik anggaran kematian yang disebabkan oleh kerosakan organ hati ialah 2 juta orang setahun. Walaubagaimanapun, kebanyakan gejala dan tanda adalah hampir sama di antara satu sama lain. Terdapat berbagai kuman yang berpotensi menyebabkan penyakit hati, iaitu kumpulan virus dan parasit.

Dipetik dan diubah suai daripada
Penyakit Hati
oleh Azmawati Mohammed Nawi
Majalah Dewan Kosmik, Bil.12 /2020
[7 markah]

PETIKAN 2

Seseorang pekerja tidak boleh membuang masa atau curi tulang sewaktu bekerja. Mereka sepatutnya berada di dalam tempat kerja pada waktu yang ditetapkan. Jika perkara tersebut tidak dilaksanakan, maka pekerja tersebut dikira mengambil sesuatu yang bukan haknya. Seseorang pekerja tidak boleh malas melakukan kerja dan menangguhkan kerja yang sepatutnya diselesaikan pada waktunya. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang itu ditugaskan berdasarkan kepercayaan majikan bahawa mereka boleh menggalas amanah dan tanggung jawab. Amanah didefinisikan sebagai jujur atau boleh dipercayai. Seseorang pekerja yang amanah menjadi pengharapan seorang dan semestinya mempunyai nilai integriti yang tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada
Amanah dalam Pekerjaan
oleh Mohd. Nizam Sahad
Majalah Dewan Tamadun Islam, Bil.12/2022
[6 markah]

SET 2

*Dalam petikan 1 terdapat **tujuh kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Kementerian Pendidikan Malaysia telah berhasrat untuk memartabat kerjaya guru dengan mentransformasikan profesyen keguruan menjadi profesion pilihan dalam anjakan ke4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 -2025. Langkah awal bagi menjamin kualiti guru ialah dengan menetapkan syarat kemasukan guru mulai tahun 2013. Calon yang memohon untuk menduduki program perguruan ini perlu melalui ujian kompetensi terlebih dahulu, iaitu Inventori Pemilihan Pendidik Malaysia (MEdSI) bagi kemasukan ke Universiti Awam dan ujian kelayakan calon guru (UKCG) untuk mengikuti program ijazah sarjana muda di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Calon yang lulus akan disaring melalui temuduga. Proses ini membolehkan hanya calon terbaik dan memenuhi syarat kelayakan akademik akan dipilih untuk memasuki program latihan perguruan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Anjakan 4 : Mentransformasikan Profesion Keguruan Menjadi Profesion Pilihan
oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Fauzi Mohd Ayub
Majalah Pendidik, Bil. 114/2017

[7 markah]

SET 3

*Dalam petikan 1, terdapat **enam kesalahan bahasa** manakala petikan 2 terdapat **tujuh kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

PETIKAN 1

Malaysia merupakan sebuah negara beriklim tropika yang menerima hujan sepanjang tahun. Malaysia menerima antara 2 500 hingga 3 500 milimeter purata hujan tahunan yang boleh menyebabkan berlakunya banjir. Banjir mampu menghadkan atau memutuskan pergerakan seseorang, merosakkan harta benda, melibatkan kehilangan nyawa dan lebih mencedikan boleh melumpuhkan ekonomi negara. Selain banjir biasa, banjir kilat juga berlaku di kawasan bandar dan luar bandar. Kesannya, beberapa buah jalan utama ditenggelami air sedalam lebih satu meter lalu bertimpakan kesulitan kepada masyarakat termasuklah kesesakan lalu lintas. Air yang bertakung menjadikan permukaan jalanraya lebih licin, berbahaya dan menyebabkan peningkatan statistik.

Dipetik dan diubah suai daripada
Turapan Telan Air
oleh Nur Izzi Md Yusoff dan Mohd Rosli Hainin
Majalah Dewan Kosmik , Bil. 11/2020

[6 markah]

PETIKAN 2

Galileo Galilei terkenal sekali dengan gelaran “Bapa Astronomi Moden”, “Bapa Fizik Moden” dan “Bapa Sains” kerana pencapaian dan penemuan hebatnya. Selain itu, Galileo juga merupakan ahli fizik, ahli astronomi dan ahli falsafah terkenal yang berkaitan dengan revolusi sains. Beliau juga pencipta terkenal dan dikatakan penemu teleskop pertama di dunia. Pada tahun 1609, Galileo berjaya mencipta teleskop pertama hasil penambahbaikan teleskop terdahulu. Beliau membina sebuah teleskop tiga kuasa. Selepas beberapa pembaikan, Galileo berjaya dihasilkan teleskop 10 kuasa dan seterusnya dikatakan telah pertingkatkan kuasanya kepada teleskop 30 kuasa. Beliau juga mencipta termoskop dan kompas tentera. Beliau juga menemui hukum gerakan pertama dan kedua yang telah memberikan sokongan yang berkesan terhadap teori *Corpernicus*.

Dipetik dan diubah suai daripada
Galileo Galilei Ahli Astronomi dan Pengarang
oleh M. Azrul
Majalah Dewan Siswa, Bil. 11/2020

[7 markah]

SET 4

Iklan di bawah mengandungi **11 kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin semula iklan tersebut.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA



PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kami mencari individu demi menyertai Perkhidmatan Awam yang mempunyai ciri-ciri seperti berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik.; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan serta profesionalisma yang sesuai dengan jawatan.

 **IJAZAH (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL)**

➤ **(PENGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M41)**
[JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)]

- 400 kekosongan
- 30 simpanan

Pendaftaran permohonan hanya diterima melalui dalam talian sahaja. Sebarang surat menyurat dan penghantaran resume tidak diperlukan. Tempoh sah laku permohonan adalah lima tahun. Urusan pengambilan adalah ditakluki kepada kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh pihak kementerian dan hanya calon yang berjaya melepasi ujian secara dalam talian sahaja akan layak dipanggil untuk temuduga.

Semua calon-calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian, sila pastikan pendaftaran permohonan masih dalam tempoh sah laku. Tarikh tutup untuk permohonan baharu adalah sebelum atau di 20 Disember 2020 (Ahad) jam 11:59 malam.

MOHONLAH SECARA DALAM TALIAN DI POTAT SPA
<http://www.spa.gov.my>

Maklumat mengenai syarat lantikan/gaji/tugas-tugas jawatan di atas boleh diperolehi melalui laman sesawang berikut, http://www.spa.gov.my/Portal/Deskripsi_Tugas

Sumber : Internet

<https://cikgukumuzz.blogspot.com>

[11 markah]

SET 5

*Dalam petikan 1, terdapat **sembilan kesalahan bahasa** Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Semasa pelancaran projek *River of Life*, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengingatkan betapa pentingnya warga kota mengubah nasib mereka dalam memastikan kebersihan Sungai Klang dan Sungai Gombak. Ingatan tersebut disampaikan kerana pelbagai usaha pihak kerajaan telah melakukan supaya air sungai dapat terus mengalir. Namun begitu, usaha-usaha tersebut belum mampu ubah nasib sungai di bandar raya itu. Sehubungan dengan itu, kerajaan perlu menilai semula kempen mengubah budaya melempar sampah untuk sedarkan warga kota. Walaupun banyak pihak berpendapat yang undang-undang yang sedia ada lebih daripada mencukupi untuk menjaga kelestarian sungai, namun pihak penguat kuasa perlu melaksanakan dan menguat kuasakan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan teguh.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada

“Memulihara Sungai di Bandar”

oleh Abdul Kadir Mohd. Ayub

Dewan Masyarakat, Oktober 2012.

[9 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

SET 1

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

*Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Setelah sudah ia berfikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu. Maka Patih Gajah Mada pun segera menyuruh kepada bini Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari pergi mencuri ke Daha itu, sudahkah datang dari Daha atau belumkah. Maka orang Patih Gajah Mada pun pergilah kepada bininya Petala Bumi.

Tatkala itu, Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluh-puluh juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?”

Dipetik daripada “Kepimpinan Melalui Teladan”
dalam analogi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

SET 2

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

*Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalu sukacita hatinya, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada.

Maka sembah Kertala Sari, “Endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada hati manira, jika negerinya pun dapat manira alahkan dengan seorang kula juga, syahadan segala anak bininya orang Melaka itu pun dapat manira ambil. Adapun jika belum manira bunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu belum mati, tiada mahu manira menjadi penggawa.”

Dipetik daripada “Kepimpinan Melalui Teladan”
dalam analogi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

SET 3

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

*Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Berapa lamanya hatta hari pun malam. Maka Kertala Sari pun bersikap dirinya; maka lalu berjalan masuk ke dalam kota. Maka ia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya. Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri. Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu. Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu pun masuk tidur. Maka oleh Kertala Sari dicurinya segala harta harta saudagar itu sekuasa-kuasa ia membawa dan bini saudagar itu pun dicabulinya. Maka ia pun kembali pada tempatnya singgah itu.

Dipetik daripada “Kepimpinan Melalui Teladan”
dalam analogi Jaket Kulit Kijang dari Instanbul
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

SET 4

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

*Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka baginda pun bertitah kepada Temenggung, “Hai Temenggung, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampungnya!” Maka Temenggung pun menyuruhkannya berpisah orang kaya-kaya dan saudagar berkawal pada kampungnya. Setelah hari malam, maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkawal, terlalu banyak dengan lembing perisai dan segala saudagar pun masing-masing berkawal pada kampungnya.

Dipetik daripada “Burung Terbang Dipipiskan Lada”
dalam analogi Sejadah Rindu
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

SET 5

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

*Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati punding api. Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, “Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita.”

Dipetik daripada “Burung Terbang Dipipiskan Lada”
dalam analogi Sejadah Rindu
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Set 1

*Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian berikan **maksud** peribahasa tersebut.*

Aqil : Sarah, karnival kerjaya akan diadakan pada hari Sabtu ini. Kamu datang, ya. Ajak rakan-rakan yang lain. Pelbagai aktiviti menarik dan sarat dengan ilmu turut disediakan.

Sarah : Saya mesti datang. Banyak manfaat dapat diperoleh apabila menghadiri karnival ini. Kita mestilah berusaha menimba ilmu bak kata pepatah jika pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang.

Aqil : Betul kata-kata awak itu Sarah. Tanpa usaha, kita tidak akan berjaya. Kata orang segan berkayuh perahu hanyut. Untuk pengetahuan awak, karnival kerjaya ini akan dihadiri oleh panel yang berpengalaman. Mereka ini ibarat jauhari juga yang mengenal manikam. Ilmu yang diperoleh daripada panel ini membolehkan pengunjung melakukan persediaan untuk temu duga sebenar.

Sarah : Terima kasih Aqil kerana memberitahu saya tentang karnival ini. Saya pasti akan menguar-uarkan kepada rakan yang lain

Set 2

Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian berikan **maksud** peribahasa tersebut.



Set 3

Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian anda diminta untuk membina **satu ayat** berdasarkan peribahasa tersebut.

Apabila mendengar peribahasa bagai itik mendapat air, kita dapat membayangkan betapa gembiranya itik tatkala berenang di dalam air. Begitulah jua dengan manusia. Bezanya, kita tidak pernah menemukan insiden itik lemas. Oleh itu, sentiasalah berawas kerana kalau tidak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah. Ambil langkah berjaga-jaga kerana peribahasa ada menggambarkan bahawa air tenang jangan disangka tiada buaya. Kenali risiko yang berada di badan air agar aktiviti riadah dapat dinikmati tanpa rasa gundah.

Set 4

*Petikan di bawah mengandungi **dua** peribahasa. Senaraikan peribahasa tersebut, kemudian anda diminta untuk membina **satu ayat** berdasarkan peribahasa tersebut.*

Muzik tradisional caklempong dikatakan telah dibawa ke Tanah Melayu oleh masyarakat Minangkabau dari Sumatera Barat yang menetap di Negeri Sembilan seawal kurun ke-14. Setelah sekian lama bertapak dan berkembang di negara kita, sudah tiba masanya muzik caklempong diterima oleh masyarakat berbilang kaum sebagai muzik warisan milik bersama agar tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. Pelbagai cabaran termasuk cara menarik minat generasi muda untuk mempelajari dan menghayati muzik ini perlu ditangani demi kelestariannya kerana hendak seribu daya tak hendak seribu dalih.

Set 5

*Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian anda diminta untuk memberikan peribahasa lain yang **sama maksud** dengan peribahasa tersebut.*

Tumbuk kalang asalnya dimainkan oleh masyarakat kampung zaman dahulu setelah berpenat lelah menuai dan membanting padi. Bunyi antan yang bertingkah-tingkah semasa menumbuk emping menghasilkan irama yang menghiburkan. Mereka akan bersama-sama menyanyi lagu mengikut bunyi tumbukan antan kerana serumpun bak serai, sesusun bak sirih. Kepesatan teknologi kini menyebabkan muzik tradisi ini ibarat telur di hujung tanduk. Usaha melestarikan semula muzik tradisi harus dilakukan oleh pelbagai pihak kerana pepatah ada menyatakan usaha tangga kejayaan.

BAHAGIAN A : PEMAHAMAN

SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

SET 1

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Mereka yang tidak berintegriti cenderung melanggar peraturan dan undang-undang kerana mereka berpendapat bahawa tiada hukuman yang akan dikenakan terhadap salah laku mereka. Oleh itu, seseorang yang berintegriti perlu menjadi seseorang yang bermoral dan beretika dalam semua aspek kehidupan pada setiap masa.

Dalam aspek tadbir urus dan pentadbiran organisasi, keruntuhan integriti menyebabkan berlakunya pelbagai kepinganan seperti peningkatan amalan rasuah dan pecah amanah. Dalam aspek pendidikan pula, seseorang yang tidak berintegriti boleh mencemarkan kesucian bidang pendidikan. Perbuatan memanipulasikan kelayakan akademik bukan sahaja *meruntuhkan reputasi* si pelakunya, tetapi juga boleh mengakibatkan kualiti sistem pendidikan negara dipertikaikan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Integriti dalam Kehidupan',
oleh Abu Yazid bin Abu bakar.

Bahan 2

Mutakhir ini, saban hari kita dihidangkan dengan berita yang berkaitan dengan skandal korporat, rasuah skala besar, penyelewengan dana, ketirisan bantuan, pecah amanah, penipuan peruntukan dan pembelian malah banyak lagi jenayah moden yang menggambarkan wujudnya ciri-ciri masyarakat maju, tetapi tidak berintegriti.

Orang ramai bukan sahaja tidak lagi berasa malu untuk melakukan rasuah malah juga tidak takut akan hukuman. Terdapat segelintir pihak pula berasa bangga apabila perlakuan buruknya tidak dapat dibuktikan. Orang yang tidak berintegriti sebenarnya tidak boleh dipercayai. Orang yang tidak berintegriti sentiasa berkemungkinan melanggar peraturan dan undang-undang, mengkhianati amanah, mungkir janji, mementingkan diri sendiri, bersikap kurang ajar dan tidak menghormati orang lain.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *meruntuhkan reputasi*. [2 markah]
- ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan orang yang tidak berintegriti. [3 markah]
- iii. Integriti dalam bidang pendidikan perlu diperkukuh supaya lebih ramai murid yang cemerlang dapat dilahirkan.
Pada pendapat anda, apakah amalan-amalan tidak berintegriti dalam bidang pendidikan?
[3 markah]
- iv. Aiman dimarahi oleh ibunya kerana enggan hadir ke sekolah pagi tadi. Selepas itu, Aiman menyimpan perasaan dendam terhadap ibunya kerana berpendapat dirinya tidak bersalah. Dia berasa ibunya tidak menyayanginya lagi. Oleh itu, dia mengambil keputusan untuk melarikan diri dari rumah. Anda mendapat tahu perkara ini dan berpendapat tindakan ini merupakan tindakan yang tidak berintegriti dalam keluarga. Sebagai rakan sekelas Aiman, bagaimanakah anda boleh membantu Aiman?
[4 markah]

SET 2

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kemurungan yang didiagnosis secara klinikal, bukanlah perasaan sedih yang biasa. Kemurungan merupakan penyakit perubatan yang melibatkan perasaan sedih yang berpanjangan serta menjejaskan fungsi harian seseorang individu. Penyakit kemurungan telah dikenal pasti oleh World Health Organization (WHO) sebagai penyakit keempat terbesar yang menyumbang kepada penyakit global (global disability) yang dialami oleh manusia di seluruh dunia pada ketika ini. Di Malaysia, kadar penyakit ini adalah sebanyak dua peratus dalam kalangan masyarakat. Penyakit kemurungan adalah berbeza daripada kesedihan biasa. Perasaan sedih dalam diri manusia adalah normal. Walau bagaimanapun, seseorang individu tidak boleh memandang enteng jika perasaan sedih tersebut berterusan dan mula menjejaskan rutin harian. Perasaan sedih sepanjang hari dan hampir setiap hari dalam tempoh dua minggu serta perasaan tidak bersemangat atau tidak berminat melakukan aktiviti yang disukai sememangnya merupakan tanda awal penyakit ini. Selain itu, pesakit kemurungan juga akan berhadapan dengan kesukaran untuk tidur. Pesakit ini juga selalu berasa letih dan kurang selesa. Rawatan awal dapat membantu seseorang individu untuk sembuh dengan lebih cepat serta kembali menjalani kehidupan yang berkualiti.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Gejala Kemurungan: Kesedihan Biasa atau Penyakit?',
oleh Firdaus Abdul Ghani,
(astroawani.com, 22 Januari 2019)

Bahan 2



- i. Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud *memandang enteng*. [2 markah]
- ii. Berdasarkan semua bahan, apakah tanda-tanda awal kemurungan? [3 markah]
- iii. Kesedaran tentang penyakit kemurungan dalam kalangan masyarakat di negara kita masih lagi rendah.
Pada pendapat anda, apakah kaedah-kaedah yang dapat dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memastikan masyarakat di negara kita memiliki kesedaran tentang penyakit kemurungan?
[3 markah]
- iv. Seorang daripada rakan sekolah anda berhadapan dengan masalah kemurungan. Masalah ini telah menjejaskan aktiviti harian dan prestasi rakan anda sebagai seorang murid sekolah. Sebagai seorang rakan yang prihatin dan bertanggungjawab, nyatakan tindakan-tindakan yang dapat anda lakukan untuk meringankan masalah yang dihadapi oleh rakan anda .
[4 markah]

SET 3

Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Tugas untuk memperkasakan dan memartabatkan bahasa Melayu bukanlah suatu tugas yang mudah, namun tugas ini tidak mustahil untuk dilakukan. Terdapat beberapa cabaran yang dilihat berkemungkinan untuk merencatkan usaha pemeraksanaan bahasa Melayu termasuklah cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, cabaran bahasa Melayu pada zaman sains dan teknologi dan cabaran bahasa Melayu terhadap sikap penuturnya. Dalam hal ini, IPT mempunyai keupayaan untuk menangani cabaran yang telah disenaraikan itu. Sebagai pusat pengembangan ilmu, IPT seharusnya menjalankan pelbagai program dan usaha untuk mengubah sikap penutur bahasa Melayu, memperkaya bahasa Melayu serta mengintegrasikan bahasa Melayu pada zaman teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin berkembang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'IPT Disarankan Memperkasakan Bahasa',
Pelita Bahasa, Bil. 8 2020

Bahan 2

Usaha memperkasakan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan perlu digembleng secara bersepadu supaya bahasa ini bergerak seiring dengan kepantasan era teknologi maklumat dan komunikasi serta kemajuan negara. Pihak sekolah perlu melaksanakan pelbagai aktiviti kebahasaan dan kesusasteraan Melayu supaya bahasa Melayu kekal relevan berdepan dengan cabaran semasa. Dalam hal ini, guru dan pelajar sewajarnya menggunakan bahasa Melayu yang baik dengan betul semasa sesi pengajaran bahasa Melayu di sekolah dan diteruskan hingga luar sekolah. Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang menarik **mampu mendorong** pelajar untuk menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik, di samping memupuk minat mereka mencintai bahasa Melayu yang suatu ketika dahulu pernah menjadi *lingua franca* pedagang dari serata dunia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kekalkan Kecemerlangan Bahasa Melayu dalam Pendidikan'
Pelita Bahasa, Bil.12 2020

- i. Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud frasa *mampu mendorong*. [2 markah]
- ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memastikan bahasa Melayu kekal relevan dan mampu berdepan cabaran? [3 markah]
- iii. Bahasa Melayu mampu dijadikan sebagai bahasa yang digunakan oleh semua pihak untuk menjalankan urusan perniagaan.
Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan bahasa Melayu yang lain kepada masyarakat dan negara? [4 markah]
- iv. Ketidacaknaan warga sekolah terhadap penggunaan bahasa Melayu yang baik dengan betul telah menjejaskan hasrat sekolah untuk melahirkan pelajar yang mampu menggunakan bahasa Melayu dengan baik dalam semua situasi.
Sebagai Pengerusi Persatuan Bahasa Melayu, nyatakan cadangan-cadangan anda untuk memperkasakan penggunaan bahasa Melayu yang baik dalam kalangan warga sekolah anda. [4 markah]

SET 4

- 6 *Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Kejadian banjir kilat yang berlaku di kawasan bandar bukanlah satu masalah baharu yang kita hadapi pada masa ini. Banyak kejadian banjir kilat berlaku tanpa sebarang amaran menyebabkan masyarakat terpaksa menanggung kerugian apabila tidak dapat menyelamatkan harta benda mereka kerana kejadian tersebut berlaku dengan cepat.

Pensyarah Pengurusan Persekitaran, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof. Madya Dr. Haryati Shafii berkata, sejak belakangan ini, trend kejadian banjir kilat terutamanya di kawasan bandar semakin menunjukkan peningkatan. Menurutnya, hujan yang lebat, kawasan pembangunan padat, sistem saliran yang tidak diselenggara dengan baik serta masalah pencemaran longkang dan saliran dilihat menjadi penyumbang utama kepada masalah itu.

Walaupun banjir kilat biasanya cepat surut, namun kesannya mengakibatkan kerugian harta benda yang bukan sedikit. Bencana ini juga boleh *mengundang trauma* kepada mangsa terlibat.

Sumber : <https://www.kosmo.com.my>

Bahan 2

Tanah runtuh merupakan salah satu bencana alam yang sering berlaku sama ada secara semula jadi atau akibat aktiviti manusia. Kejadian tanah runtuh yang disebabkan oleh aktiviti manusia ialah penarahan kawasan bukit untuk pembinaan lebuh raya, aktiviti perlombongan dan pembalakan haram. Proses kejadian tanah runtuh melibatkan gelongsoran tanah atau pergerakan tanah yang tidak stabil dan berlaku secara pantas oleh tarikan graviti. Pergerakannya adalah dari kawasan tinggi ke kawasan rendah, iaitu mengikuti cerun akibat tindak balas terhadap graviti.

Terdapat beberapa tanda sebelum berlakunya tanah runtuh seperti munculnya mata air atau tanah basah yang melampau yang tidak pernah terjadi, retakan baru atau pembengkakan tanah, jalan atau kaki lima, kebocoran paip air dan pintu atau tingkap rumah yang tidak dapat ditutup dengan rapat. Sekiranya terdapat tanda-tanda yang mencurigakan, penduduk di kawasan berbukit haruslah mengambil tindakan berjaga-jaga.

Sumber : <http://www.ukm.my>

Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan maksud rangkai kata *mengundang trauma*.

[2 markah]

Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah faktor yang menyebabkan berlakunya bencana alam seperti banjir kilat dan tanah runtuh? [3 markah]

Kejadian bencana alam seperti banjir sering kali berlaku di negara kita.

Pada pendapat anda, apakah persediaan-persediaan yang perlu dilakukan pihak berkuasa untuk menghadapi fenomena tersebut? [3 markah]

Rakan anda telah terlibat dengan kejadian banjir di Selangor baru-baru ini. Banyak kelengkapan rumahnya telah musnah. Seorang adiknya telah meninggal dunia dalam kejadian tersebut menyebabkan dia trauma.

Sebagai rakan yang prihatin, apakah tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan untuk membantunya mengatasi trauma yang dialami? [4 markah]

SET 5

*Baca **semua bahan** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*


Bahan 1

Terdapat lebih 200 penyakit yang boleh diklasifikasikan sebagai penyakit mental termasuklah kemurungan. Kemurungan merupakan salah satu tanda keresauan apabila emosi seseorang itu berubah, sama ada dirinya berasa tidak puas hati, sedih, bimbang, terasa kehilangan, tertekan dan sebagainya yang membolehkan emosinya terganggu. Dalam hal ini, semua manusia pernah dan akan mengalaminya. Apa-apa yang membezakannya ialah ketidakstabilan emosi yang dialami oleh penghidapnya sama ada untuk tempoh jangka pendek atau berlarutan hingga tempoh yang lebih lama, iaitu melebihi tempoh dua minggu.

Kemurungan merupakan penyakit psikologi serius yang boleh memberikan kesan terhadap fikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang. Keadaan ini turut mengganggu rutin harian sama ada di rumah atau di pejabat. Secara saintifiknya, kemurungan terjadi kerana ketidakseimbangan atau kekurangan neurotransmitter yang penting dalam fungsi otak dan saraf. Selain itu, hal ini juga berkait rapat dengan ketidakseimbangan regulasi hormon seperti hormon kortisol dan tiroid selain faktor genetik.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Jangan Biarkan Mental Membunuh !'
oleh Asmat Fikri *Dewan Masyarakat*, Bil. 06/2021

Bahan 2



Bahan 3

Di Malaysia, gelombang ketiga COVID-19 kini melanda negara dan pada 1 Jun lalu, kerajaan bertindak mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara menyeluruh bagi melindungi sistem kesihatan negara. Dalam kesibukan kita memikirkan aspek kesihatan fizikal, banyak pihak lupa tentang kesihatan mental yang turut terjejas akibat pandemik ini. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 menunjukkan setengah juta atau 2.3 peratus rakyat Malaysia mengalami simptom tekanan atau kemurungan.

Umum mengetahui bahawa banyak perniagaan yang dikategorikan sebagai tidak mustahak diarahkan untuk tidak beroperasi sepanjang PKP. Oleh itu, banyak pekerja yang terpaksa diberhentikan kerja sekali gus mengakibatkan mereka hilang punca pendapatan. Dalam hal ini, orang yang menganggur akan rasa terbeban, sekali gus mendedahkan mereka kepada kemurungan atau kegelisahan. Kemurungan yang tidak terkawal menyebabkan mereka berasa tidak yakin dan tidak selamat. Selain itu, kemurungan yang berpanjangan akan menjejaskan kesihatan mental pesakit tersebut.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Apa Khabar Mental Kita?'
oleh Siti Rahayu Abd Samad
Dewan Masyarakat, Bil. 08/2021

- i. Berdasarkan **Bahan 1 dan Bahan 2**, nyatakan **dua** persamaan emosi mereka yang sedang dilanda kemurungan.

[2 markah]

- ii. Berdasarkan **Bahan 1 dan Bahan 3**, apakah kesan yang terjadi kepada individu yang mengalami kemurungan?

[3 markah]

- iii. Setiap kali keputusan peperiksaan awam diumumkan, wajah murid-murid yang tidak cemerlang begitu sugul dan murung. Dalam hal ini, ibu bapa berperanan untuk memulihkan semangat anak-anak.

Pada pendapat anda, apakah peranan-peranan ibu bapa untuk membantu anak-anak yang menghadapi situasi tersebut?

[4 markah]

- iv. Murid-murid di seluruh negara sangat gembira apabila mereka dibenarkan hadir ke sekolah secara bersemuka selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditamatkan. Namun begitu, rakan baik anda selalu ponteng kelas kerana dia berasa tertekan akibat ketinggalan dalam pelajaran semasa sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Selain berjumpa dengan guru kelas, nyatakan tindakan-tindakan anda untuk membantu rakan anda tersebut.

[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

SET 1

Baca **Bahan1** dan **Bahan 2** di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Biarlah aku menjadi diri sendiri dengan jaket kainku.

Jaket kain itu kubeli dengan harga RM50.00 di sebuah kedai menjual baju terpakai di tanah airku. Banyak sudah jasa jaket kain itu kepadaku. Poketnya ada dua di sebelah kiri dan kanan. Terdapat tali bermanik hitam yang membolehkan poket itu dijerut, sekali gus *menjamin keselamatan* isi poket. Lazimnya, aku meletakkan pasport di poket kanan dan sedikit duit di poket kiri. Terdapat empat butang bulat berwarna perak dari atas hingga ke bawah jaket. Rumah butangnya besar dan dijahit kemas. Terdapat zip yang panjang yang membolehkan jaket itu dizip sampai ke pangkal leher. Kolarnya tinggi dan lengannya boleh dilipat. Jaket itu sudah mengikut aku mengembara hampir ke seluruh dunia. Dari negara miskin Bangladesh, hingga negara mewah United Kingdom. Dari Indonesia di Asia Tenggara, hingga Turki di Asia Tengah. Aku belum berniat untuk mencari pengganti jaket kain itu.

Dipetik daripada cerpen 'Jaket Kulit Kijang dari Istanbul'

oleh Maskiah Haji Masrom

dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,

Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Azam memandang ke wajah sahabatnya. “Apa masalahnya? Bukankah kau boleh mendapat bantuan? Kerajaan sudah berjanji akan menolong penternak sebagai insentif kerana menambah bekalan makanan untuk rakyat.”

“Azam, tanah ini sesuai untuk ternakan kerana jauh dari kawasan perumahan. Tetapi ada masalah yang lain. Kau tengok jalan masuk ke reban ini. Jalan itu tidak berturap dan becak pada musim hujan. Aku sudah menulis surat memohon jalan itu dinaikkan taraf. Aku sudah berusaha ke sana ke mari untuk menemui orang yang berpengaruh, tetapi jawapannya tiada peruntukan untuk menurap jalan itu buat masa ini. Aku dicaci-maki oleh orang kampung kerana kemasukan lori-lori itu memburukkan lagi keadaan jalan.”

Hakim menjawab, “Mujur juga ada hasilnya. Tetapi hidupku dikelilingi hutang. Aku berhutang dengan bank. Aku berhutang dengan Syarikat RAJA. Mereka menghantar anak-anak ayam, mereka menghantar dedak, mereka menghantar ubat-ubatan. Semua itu akan dipotong daripada hasil jualanku. Kau tengok ni (Hakim menunjukkan salah satu penyata yang dikeluarkan syarikat RAJA). Nilai jualan dari rebanku ialah RM85 000.00. Tetapi akhirnya hanya RM 13 000.00 sahaja yang masuk ke kantungku. RM 72 000.00 adalah untuk RAJA kerana membayar harga anak-anak ayam, harga dedak dan ubat-ubatan. Dari RM13 000.00 itulah aku membayar hutang bank, gaji pembantu, upah penangkap ayam, membayar bil elektrik dan air yang cukup tinggi dan segala kos penyelenggaraan yang lain.

Dipetik daripada cerpen ‘Kaduk, Ayam dan Raja’,

Oleh Zurinah Hassan dalam antologi

Jaket Kulit Kijang dari Istanbul , Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menjamin keselamatan*.

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan isu-isu dalam perniagaan?

[4 markah]

- (iii) Bidang perniagaan menjadi pilihan ramai orang. Namun, tidak semua pengusaha atau peniaga sesuatu perniagaan berjaya.

Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seseorang untuk menjadi pengusaha atau peniaga yang berjaya?

[3 markah]

- (iv) Rakan anda sering berbelanja secara tidak berhemah terutama apabila tiba musim perayaan. Setiap barangan yang diiklankan pasti dia mendapatkannya walhal amalan berjimat cermat merupakan satu amalan yang memberikan banyak manfaat kepada kita semua.

Sebagai seorang rakan, apakah nasihat anda terhadap rakan anda agar melakukan amalan berjimat cermat dalam kehidupan?

(4 markah)

SET 2

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Aku tidak dapat membayangkan jika aku menjadi wanita tua yang menjual makanan burung di situ. Pakaianya hanya kain kapas yang nipis. Tudungnya ditarik *menutupi sebahagian mukanya* yang merah kesejukan. Kakinya berstoking lusuh. Kasutnya, aku tidak pasti sama ada aku sedang melihat warna stoking kehijauan di hujung kasutnya yang koyak, atau warna kasutnya.

Aku membeli tiga piring makanan burung dan memberinya LT5 walaupun harga satu piring cuma LT1. Wanita tua itu menyusun sepuluh jari sebelum mengarahkan jarinya ke dada sebagai tanda terima kasih. Aku menabur bijirin. Beratus-ratus burung merpati berterbangan turun dari kubu tinggalan kerajaan Uthmaniah. Nasib burung merpati itu jauh lebih baik daripada nasib wanita tua itu, dapat makanan percuma dan gambarnya diabadikan dalam kamera sedangkan wanita tua itu seakan-akan figura hidup yang tidak disedari kewujudannya.

Dipetik daripada cerpen 'Jaket Kulit Kijang Darilstanbul'
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2

ERTI HIDUP BERERTI

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan harinya
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angah ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

Dipetik daripada sajak 'Erti Hidup Bererti'
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 1** berikan maksud *menutupi sebahagian mukanya*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, jelaskan keadaan kedua-dua wanita tua tersebut.
[4 markah]
- (iii) Pengabaian anak-anak terhadap ibu bapa yang semakin dimamah usia semakin ketara pada ketika ini.
Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan anak-anak mula mengabaikan ibu bapa yang semakin tua.
[3 markah]
- (iv) Datuk dan nenek yang tinggal di kampung bersetuju untuk menetap bersama-sama keluarga anda di bandar. Hal ini menimbulkan rasa kurang senang hati kepada adik-adik anda yang tidak begitu rapat dengan datuk dan nenek. Sebagai anak sulung dalam keluarga, anda cuba memujuk dan menerangkan kelebihan-kelebihan apabila datuk dan nenek tinggal bersama-sama keluarga kepada adik-adik anda.
Jelaskan kelebihan-kelebihan apabila datuk dan nenek tinggal bersama-sama keluarga anda.
[4 markah]

SET 3

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

HARGA REMAJA	
Berapakah sebenarnya harga remaja yang bersih dari gelodak kecewa bagai kehijauan daun bagai kesegaran pohon di pinggir perjalanan ini?	Remaja amat mahal Sesungguhnya tiada terbeli oleh perjanjian harga remaja adalah pendiriaan Keberanian dan ilmu
dengan apakah akan kaupenuhi piala remajamu adakah cuka kesangsian dari cinta murah atau madu ajaran dari ilmu susah?	Penuhilah remajamu dengan ketentuan tuju.
Rahimidin Zahari	

Bahan 2

MU I	: Apabila sudah tidak takut kepada Tuhan, maka dengan sendirinya mereka tidak takut pada apa-apa saja. Tidak menghormati apa dan sesiapa saja. Akhirnya setiap apa-apa yang dicipta atas nama tamadun menjadi sia-sia belaka kerana tidak ada sesiapa yang mahu menghormatinya.
SALMAH	: Segala-galanya?
MU I	: Ya, Termasuklah apa-apa yang saudara sebutkan pada awal tadi, iaitu mengenai prestasi yang negara saudara capai itu. Pada ketika itu, segala rukun tidak akan bermakna lagi. Segala dasar, etika dan segala institusi tidak akan beroperasi lagi.
MU I	: Menyalahkan mereka sepenuhnya juga tidak adil.
CHONG	: Oleh itu, menyalahkan kami sepenuhnya juga tidak adil.
MU II	: Beginilah. Salah-menyalah ialah kerja sia-sia. Yang penting ialah kita semua belajar daripada kesalahan. Dan jangan sekali-kali mengulangi kesalahan.
(Dipetik daripada drama Forum Remaja 2020, <i>Antologi Harga Remaja</i> , Kementerian Pendidikan Malaysia)	

- (i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud *piala remaja*? [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan sifat-sifat sesetengah remaja masa kini. [4 markah]
- (iii) Remaja banyak menghabiskan masa tanpa melakukan aktiviti yang berfaedah. Pada pendapat anda, apakah aktiviti yang boleh dilakukan oleh remaja untuk mengisi masa lapang? [3 markah]
- (iv) Anda merupakan seorang guru yang telah ditempatkan di sebuah sekolah di bandar. Anda telah membuat pemerhatian dan mendapati murid-murid di sekolah tersebut kurang mengamalkan budi bahasa yang sewajarnya. Sebagai seorang guru, apakah usaha-usaha anda untuk menyelesaikan masalah di sekolah tersebut? [4 markah]

SET 4

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Dek benih penjajah yang menanamkan racun perkauman melalui sistem pecah dan perintah, bernanahlah segala prasangka buruk sebelum meletusnya tragedi sengketa dan rusuhan antara warga kota yang mewakili bangsa-bangsa yang berbeza fahaman, bahasa dan budaya.

Akibatnya, darah dan korban menjadi saksi kepada sebuah api pergolakan sehingga mencetuskan huru-hara kepada negara yang baru setahun jagung menghirup udara kemerdekaan. Seperti kata bonda kepada saya setiap kali menjengah kalendar Mei pada wajah hari.

“Tanah air ini pernah bernyala api tragedi. Penjajah menabur bara sengketa melalui pengagihan sumber kekayaan bumi ini yang tidak seimbang. Bangsa pertama ditempatkan di bandar-bandar besar sebagai peniaga dan pengusaha lombong bijih timah. Bangsa kedua terbiar daripada arus pembangunan dengan mendiami kampung-kampung tradisional di luar bandar sebagai nelayan dan pesawah. Bangsa ketiga pula terus-menerus melarat dalam kemiskinan di ladang-ladang dan estet yang serba mundur.

(Dipetik daripada cerpen
“Munsi” oleh Husna Nazri
Dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

Bahan 2

Negeri Bertuah Ini	
Negeri bertuah ini Pernah terjajah dan dijajah Demi maruah bangsa dan tanah air tercinta Rakyat bangun menentang Darah tumpah merata Rakyat bersama mengecap	Negeri bertuah ini Rakyat belajar berdikari Hutan diteroka menjadi ladang Desa dibangunkan Bandar dimodenkan pembangunan
Negeri bertuah ini Sudah merdeka Yang gagah tidak lagi menghunus senjata Yang berani tidak lagi bermaharajalela Rakyat bangun berjuang Melawan kemiskinan Membasmi kejahatan	<i>Latip Talib , Negeri Sembilan</i>

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *mencetuskan huru-hara*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kesan-kesan buruk penjajahan di negara kita.
[4 markah]
- (iii) Semangat cinta akan negara amat penting dipupuk dalam diri generasi muda di negara kita. Sebagai pewaris kepimpinan negara pada masa hadapan, nyatakan tindakan-tindakan yang akan anda lakukan untuk menjaga nama baik negara.
[3 markah]
- (iv) Sekolah anda menganjurkan pertandingan keceriaan kelas bersempena dengan Bulan Kemerdekaan. Sebagai ketua kelas yang bertanggungjawab, anda telah membuat perancangan untuk menceriakan kelas anda.
Bagaimanakah cara yang akan anda lakukan untuk menceriakan kelas anda agar menjadi johan dalam pertandingan tersebut ?
[4 markah]

SET 5

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Aku membaca lagi

Aku mendongak langit
membaca garis dan titik
menaakuli kebesaran-Mu
di bawahnya gumpulan mega

hembasan bayu dan banjaran gunung.
Kuselusuri alam kicauan burung
desiran ombak dan wajah pelangi
mewarnai kehidupan umat-Mu

Aku mendongak lagi
membaca langit
di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh
dahan dan ranting terkulai

daun-daun berguguran
helai demi helai
di lantai tanah airku yang makmur

Aku membaca langit
Kutemui
bulan dan bintang menangis
meratapi luka nasib bangsa

Aku mendongak lagi
menitis air mata langit
membasahi bahasa Melayuku
yang berdarah.

Razali Mohd Yussof.

Bahan 2

Pada era globalisasi ini, pendidikan dalam semua lapisan masyarakat semakin penting dan diutamakan. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berkuasa dalam memupuk amalan membaca namun, budaya membaca dalam masyarakat masih rendah. Melalui pembacaan, seseorang dapat memperoleh pelbagai ilmu pengetahuan yang secara tidak langsung dapat membantu memajukan negara. Dengan ini, isu budaya membaca dalam kalangan masyarakat tidak boleh dipandang ringan. Jika budaya tersebut dibiarkan begitu sahaja hasrat masyarakat untuk menjadikan negara kita negara maju pasti akan terganggu. Pengamalan budaya membaca dalam kalangan masyarakat akan mendatangkan pelbagai faedah terhadap diri kita. Oleh itu, semua lapisan masyarakat haruslah berusaha mengamalkan budaya membaca kerana Membaca Jambatan Ilmu.

Sumber : Kepentingan amalan membaca
Sinar Harapan

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *mewarnai kehidupan umat-Mu*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kepentingan-kepentingan amalan membaca dalam kalangan masyarakat ?
[4 markah]
- (iii) Ilmu pengetahuan yang luas sangat penting dalam kalangan masyarakat dengan mengamalkan amalan membaca. Namun begitu, masih terdapat remaja yang kurang membaca dalam kehidupan seharian mereka.
Pada pendapat anda, apakah faktor remaja kurang mengamalkan amalan membaca?
[3 markah]
- (iv) Ramai pelajar menganggap membaca sebagai satu aktiviti yang tidak menyeronokkan dan membosankan. Sikap ini harus dihindar oleh pelajar kerana sikap ini akan merugikan diri sendiri.
Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah cara anda memupuk semangat amalan membaca dalam diri sendiri ?
[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

Set 1

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Kini datuk bercerita tentang cara-cara menyembuhkan penyakit secara tradisional. Memang dalam soal ini datuk boleh disebut pakar, macam doktor. Dia jenis manusia yang bijak memanfaatkan bahan sedia ada atau bahan percuma menjadi bahan kegunaan untuk kesihatan dan kecantikan. Misalnya, hampas kopi dijadikannya losen tangan. Hampas teh untuk menyegarkan mata, ubi kayu bagi menghilangkan buasir. Lobak pula bagi melancarkan air kencing dan mengurangkan sakit kepala. Biji mangga dijadikan tepung untuk masakan. Kulit mangga yang dikeringkan untuk membantu melancarkan pengaliran darah ketika datang haid.

Sebab, datuk minum kopi dan nenek minum teh, mereka menanam ubi kayu, lobak, dan mangga. Aku percaya, pasti banyak lagi petua yang belum aku dengar dan yang belum datuk beritahu, sebab ada banyak tanaman lain di belakang dan di halaman rumah datuk serta di kebun buah-buahannya.

Dipetik daripada novel
Jendela Menghadap Jalan
karya Ruhaini Matdarin,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan cara-cara penjagaan kesihatan secara tradisional yang diamalkan oleh datuk dengan memanfaatkan bahan sedia ada atau bahan percuma di rumahnya.

[4 markah]

- (i) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib.
- b) Di sebalik Dinara, karya Dayang Nor.
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin.
- d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin.
- e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip.
- f) Tirani karya Beb Sabariah.
- g) Silir Daksina, karya Nizar Parman.
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Elemen kasih sayang sering kali menjadi elemen yang menonjol dalam sesebuah novel.

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, kemukakan **satu** peristiwa yang memperlihatkan elemen kasih sayang.

[6 markah]

Set 2

- (ii) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Embong menuju ke tingkap dan memanjangkan leher. Benar, yang ditunggu sudah tiba. keriangannya memercup di jiwa.

“Cepat naik ke bot! Ha, naikkan nenek dulu?” teriak Embong. Segalanya dilakukan dengan pantas!

Dua pusat pemindahan disediakan, iaitu di balai raya dan di surau. Penduduk kawasan depan ditempatkan di balai raya manakala penduduk sebelah dalam ditempatkan di surau. Balai raya cuma 50 x 20 meter, bukanlah besar sangat untuk menampung penduduk hampir 150 orang. Untuk pertama kalinya, mereka menghadapi hari-hari tanpa bekalan elektrik, tanpa peti televisyen, tiada tilam yang empuk, dan makanan bersaji. Ramai yang merungut tetapi ada yang berserah terhadap ketentuan Tuhan.

“Kalau tahu macam ini, baik aku ke rumah anak aku di Kuala Lumpur,”sela seorang penduduk.

“Tak pernah macam ini. Huh, ikutkan hati sekarang juga aku mahu berpindah. “Kenapalah aku sewakan rumah aku di pekan.

“Kalau aku tinggal di sana, taklah hidup macam ini. Tahun 1972 dulu pun kampung ini dilanda banjir meskipun tak sedahsyat ini. Kenapalah aku tak belajar daripada sejarah?”

Dipetik daripada novel
Songket Berbenang Emas
karya Khairuddin Ayip,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Banjir memberi kesan kepada penduduk setempat. Nyatakan suasana di pusat pemindahan banjir

[4 markah]

- (iii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :*

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib.
- b) Di sebalik Dinara, karya Dayang Nor.
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin.
- d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin.
- e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip.
- f) Tirani karya Beb Sabariah.
- g) Silir Daksina, karya Nizar Parman.
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang menunjukkan kepincangan dalam masyarakat untuk dijadikan panduan kepada pembaca.

[6 markah]

Set 3

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Arus sungai berkeladak dan bergerak deras. Kanak-kanak menjadikan sungai sebagai pesta untuk mencari juara peredah arus. Yang belum puas akan berloncatan atau berjam-jam berendam. Yang kesejukan, berpelukan tubuh di tebing.

Dahlia memerhatikan gelagat kanak-kanak tersebut dari depan rumahnya dalam jarak 45 meter. Anak-anak kecil melompat dari jambatan dengan begitu bebas, begitu bahagia. Alangkah bahagianya mereka. Ada sebak menebal di jiwa.

Mengingati saat silam, di tebing itulah dia sering berlarian menarik benang layang- layang tanpa sekelumit pun memikirkan erti kemiskinan. Perut yang berbunyi dan matahari yang membakar tidak sedikit pun mengurangkan sejumlah kebosanan. Indahnyanya saat itu.

Dipetik daripada novel
Songket Berbenang Emas
karya Khairuddin Ayip,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan ciri-ciri kehidupan yang dirasakan pada zaman kanak-kanak?

[4 markah]

- (i) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :*

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib.
- b) Di sebalik Dinara, karya Dayang Nor.
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin.
- d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin.
- e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip.
- f) Tirani karya Beb Sabariah.
- g) Silir Daksina, karya Nizar Parman.
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Pengarang mewujudkan peristiwa-peristiwa yang mengandungi nilai-nilai murni kepada pembaca.

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa nilai bertanggungjawab yang ditunjukkan oleh **watak** melalui novel tersebut.

[6 markah]

Set 4

(i) *Baca petikan novel di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Saya tidak bertujuan bercakap banyak. Bagi saya, kerajaan sudah cukup memberikan kemudahan kepada kita. Baik air, elektrik, telefon dan tidak lama lagi akan dibina jalan bertar. Tetapi sikap kita tidak akan membawa kemajuan, jika tidak rela saling membantu. Maaflah, jika kata-kata saya tidak disenangi. Andainya tuan-tuan selepas ini tidak lagi memilih saya sebagai ketua, saya tidak kesal kerana sudah menyampaikan perkara yang simpan selama ini. Terima kasih.”

Mungkin kesan daripada kata-kata Haji Sulaiman, perubahan begitu ketara dalam kalangan penduduk kampung. Rumahnya yang rebah, telah didirikan semula oleh orang-orang kampung secara gotong-royong. Kayu-kayu yang baharu, menurut Haji Sulaiman ialah sumbangan parti menggantikan kayu-kayu yang rapuh.

Dipetik daripada novel
Songket Berbenang Emas
karya Khairuddin Ayip,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan perubahan yang telah berlaku kepada penduduk setelah mendengar teguran daripada Haji Sulaiman?

[4 markah]

(i) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib.
- b) Di sebalik Dinara, karya Dayang Nor.
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin.
- d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin.
- e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip.
- f) Tirani karya Beb Sabariah.
- g) Silir Daksina, karya Nizar Parman.
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang dapat dijadikan sebagai pengajaran dalam kehidupan.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 Markah]

Set 1

Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Penipuan sindiket siber dilihat semakin membimbangkan. Saban hari semakin kerap media melaporkan mengenai kes individu yang ditipu oleh penjenayah siber. Walaupun secara keseluruhannya kes jenayah semakin turun, kes jenayah indeks siber pula semakin membimbangkan. Hal ini demikian kerana, sudah menjadi lumrah dunia akhir zaman apabila masyarakat gemar memaparkan kehidupan peribadi mereka kepada umum menggunakan aplikasi media sosial menerusi teknologi dan gajet yang sedia ada sehingga menjadi sasaran penjenayah siber. Kes jenayah siber membabitkan empat kesalahan iaitu jenayah telekomunikasi, *love scam*, *e-financial fraud* dan e-dagang atau belian dalam talian. Oleh itu, sudah tiba masanya pihak berkuasa memperhebat literasi keselamatan siber bagi memerangi jenayah siber yang membabitkan rakyat negara ini sehingga menelan kerugian ratusan juta ringgit. Strategi Keselamatan Siber Malaysia 2020-2024 (MCSS) pula telah bersetuju supaya pihak berkuasa perlu memperketat undang-undang siber yang lebih tegas untuk menggentarkan penjenayah siber.

Sikap tamak segelintir mangsa mengharapkan keuntungan segera kerana wujud sindiket pelaburan menggunakan taktik *phishing*, dengan menghasilkan laman web palsu yang menyerupai laman web perbankan sebenar bagi menunjukkan mangsa menerima wang yang dijanjikan. Ada juga mangsa tidak mahu buat laporan polis kerana malu selain jumlah kerugian dianggap kecil. Oleh itu, pihak berkuasa perlu menyedarkan masyarakat awam supaya terus melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya menjadi mangsa jenayah siber. Dalam pada itu, sekiranya mendapat panggilan daripada nombor asing dan kemudian mereka memperkenalkan diri daripada agensi utama negara seperti mahkamah, balai polis mahupun bank negara, segera matikan perbualan dan terus membuat laporan ke balai polis berdekatan. Sikap orang ramai yang mudah percaya dengan tawaran pembelian pada harga tidak munasabah susulan kebergantungan pembelian dalam talian semasa pandemik COVID-19 menyebabkan kerugian jutaan ringgit. Oleh itu, setiap individu perlu memainkan peranan untuk membanteras kes-kes jenayah siber semakin berleluasa pada zaman dunia tanpa sempadan ini.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana
'Jenayah Siber, Sejauh manakah mengatasinya?'
Oleh Nazura Abdul Manap. Malayan Law Journal, April 2020.

Bahan 2

LAGU ERA SIBER

Siber dan IT melengkapi zaman
Untuk kemudahan dan kemakmuran
Namun telah disalahgunakan
Hingga pendidikan dan etika diperkenalkan
Agar warga beroleh kesedaran.

Jenayah siber kian membarah
Pemimpin dan rakyat bersatu arah
Kempen kesedaran untuk mengubah
Hingga penjenayah dihukum bersalah

Siber membangun harus diawasi
Antivirus dipasang pada peranti
Kerana alpa kita yang rugi
Ayuh bersama kita perangi
Demi generasi yang bakal mewarisi

Akal diguna untuk mencipta
Agar hidup lebih sempurna
Akal diguna untuk berwaspada
Agar warga tidak lagi menjadi mangsa

Set 2

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1: Petikan

Sejarah menunjukkan bahawa perpaduan merupakan perkara yang amat mustahak untuk mengekalkan keharmonian dan keamanan di sesebuah negara. Negara yang aman dan damai sudah pasti dapat menjamin kebahagiaan dan keselamatan warganya. Negara yang mengamalkan perpaduan ternyata mampu mencapai kemajuan dan membina peradaban dengan lebih gemilang.

Sejak negara merdeka sehinggalah muktahir ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan yang bertujuan mencapai perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Sistem pendidikan negara merupakan satu kaedah untuk mengekalkan perpaduan kaum. Selain itu, penekanan kepada sikap berbangga menjadi warganegara Malaysia perlu diterapkan dalam jiwa pelajar. Dalam persekitaran di sekolah, usaha pemupukan semangat muhibah dan semangat toleransi antara kaum sangat penting. Hal ini dapat membantu menyuburkan semangat perpaduan kaum dan membolehkan mereka berinteraksi sesama mereka. Setiap subjek yang diajarkan di sekolah juga harus menitikberatkan aspek pendidikan yang harmonis. Nilai-nilai rohani dan budaya bersama perlu diberikan keutamaan dalam setiap subjek.

Faktor sejarah telah menyaksikan bahasa Melayu dijadikan lingua franca di seluruh kepulauan di Nusantara hingga melayakkan bahasa Melayu dijulung sebagai bahasa kebangsaan dan digunakan secara rasmi di negara ini. Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar dan diangkat sebagai bahasa perpaduan, iaitu bahasa yang mudah difahami oleh setiap lapisan masyarakat tanpa ada rasa prasangka. Perpaduan juga boleh diterapkan melalui aktiviti kokurikulum. Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan seperti aktiviti sukan, pengurusan kelab dan persatuan serta aktiviti ceramah kesedaran haruslah dipergiat dan ditingkatkan.

Semua pihak harus mempunyai kesedaran dan sama-sama berganding bahu meningkatkan semangat perpaduan antara kaum dan mewujudkan masyarakat harmoni yang cinta akan negara dan saling bekerjasama antara satu sama lain.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Perpaduan Kaum : Sekolah sebagai Agen Penyatuan'
oleh Zulfazlan Jumrah,
Dewan Siswa, Ogos 2017

Bahan 2: Sajak

Perpaduan Sejati Bukan Mimpi

Rakyat berganding bahu bersatu hati
baik dalam negara mahupun negeri
demi kasih sayang, cinta-mencintai
suasana harmoni dapat dilahirkan.

Tiada sengketa, iri hati jua benci-membenci
setiap budaya, bangsa, agama saling mempercayai
menjaga hati sanubari jua sensitiviti
bekerjasama, tolong-menolong, sungguh toleransi
mampu meningkatkan imej di mata dunia.

Kita bina negara atas nama perpaduan
setiap perayaan saling sama rasa dirai
saling bersalaman, muhibah, memupuk silaturahim
sudah sering menjadi budaya murni sehati
menarik pelancong datang ke sini.

Wujudnya satu yang pasti realiti bukan fantasi
kerana ia satu harapan sejati suci murni
kelak negara jua negeri makmur dipunyai
inilah perpaduan sejati realiti bukannya mimpi
dapat membangunkan negaraku Malaysia.

Sumber : *Internet*

Set 3

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat **satu rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1: Petikan

Perancangan penubuhan jawatankuasa Khas oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi memperhalus masalah pengangguran dalam kalangan belia, khususnya siswazah di negara ini jelas menunjukkan kesungguhan pihak kerajaan untuk menangani masalah ini. Pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia disebabkan pekerjaan yang tidak sepadan dengan kemahiran mereka. Hal ini disebabkan, majoriti peluang pekerjaan yang ada di pasaran adalah dalam kategori kemahiran rendah dan sederhana, iaitu kurang sesuai untuk graduan baharu. Bagi menangani isu ini, kerajaan perlu meningkatkan kebolehpasaran graduan yang dihasilkan oleh Universiti tempatan dan harus bertindak sebagai majikan sementara untuk graduan menganggur. Hal ini membolehkan mereka dilatih dan meningkatkan kemahiran dalam bidang yang mampan.

Kadar pengangguran yang meningkat dalam kalangan belia di negara ini disebabkan oleh kekurangan kemahiran untuk bekerja dan penawaran kadar gaji yang rendah. Golongan Belia, khususnya siswazah, seharusnya lebih proaktif untuk memajukan diri dengan mencipta sendiri peluang pekerjaan. Para siswazah perlu lebih berdaya saing dalam sektor perusahaan kecil dan sederhana. Secara tidak langsung, hal ini dapat memberikan peluang pekerjaan kepada orang lain yang masih menganggur dan memajukan diri sendiri dalam bidang keusahawanan. Oleh hal yang demikian, para siswazah terutamanya yang masih menganggur, seharusnya lebih berani untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan melalui sektor perusahaan dan perniagaan.

Institusi pendidikan juga perlu memainkan peranan untuk melahirkan mahasiswa yang berkemahiran dan berdaya saing, seiring dengan keperluan industri yang memerlukan tenaga kerja yang berkualiti dan bermotivasi tinggi. Pelaburan untuk belia hari ini adalah pelaburan untuk masa depan negara. Jika siswazah gagal mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan pendapatan yang setimpal maka harapan Malaysia untuk mencapai status negara maju sukar terlaksana.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Siswazah Berdaya Saing Mampu Atasi Pengangguran”
Oleh Muhammad Lutfi Zahid,
Dewan Siswa Bil.10,2018

Bahan 2: Grafik



Set 4

*Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1: Petikan

Konsep Sekolahku SEJAHTERA dilancarkan pada 21 Februari 2022 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Konsep Sekolahku SEJAHTERA menggariskan 14 elemen iaitu selamat, sihat, seronok, etika, empati, jati diri, adab sopan, harmoni, tekun, teliti, terampil, eksplorasi, rasional dan artikulasi. Secara asasnya, kesemua elemen tersebut telah lama diperkenalkan di sekolah, namun perkenalan konsep sekolahku SEJAHTERA ini bertujuan untuk mengangkat 14 elemen tersebut secara lebih terperinci, bersasar dan berterusan. Penekanan konsep ini penting untuk memastikan pelajar yang lahir daripada sistem pendidikan negara mampu bersaing pada peringkat dunia.

Konsep sekolahku SEJAHTERA penting bagi memastikan sekolah tetap menjadi tempat yang selamat, seronok dan melahirkan murid yang sihat. Melalui konsep ini, sekolah akan menjadi platform ampuh untuk membentuk etika, empati, jati diri, adab sopan, harmoni, tekun, teliti, terampil, eksplorasi, rasional dan artikulasi dalam kalangan murid. Kesemua nilai ini sangat penting untuk disuburkan dalam jiwa masyarakat khususnya generasi muda kerana hanya insan yang kaya jiwanya dengan pelbagai nilai mampu memberikan sumbangan optimum kepada bangsa dan negara. Untuk mencapai matlamat yang digarap dalam sekolahku SEJAHTERA bukannya mudah tetapi bukan juga mustahil seandainya mendapat kerjasama yang ampuh daripada pelbagai pihak. Namun, wujud pelbagai cabaran dalam melaksanakan Konsep Sekolahku SEJAHTERA. Untuk mendapatkan kerjasama seluruh warga sekolah bukannya mudah. Di samping itu, pengaruh rakan sebaya yang negatif juga menjadi cabaran dalam pelaksanaan konsep ini.

Kesimpulannya, Konsep Sekolahku SEJAHTERA perlu dijayakan demi kemakmuran negara pada hari muka.

Dipetik dan diubah suai
daripada ‘Sekolahku SEJAHTERA :
Penerapan Nilai Terbaik untuk Murid’
oleh Nurul Atikah
Dewan Masyarakat, JUN 2022

Bahan 2: Sajak

Sekolahku SEJAHTERA

Sekolahku SEJAHTERA agenda negara
memandu guru melahirkan insan
cemerlang
menyemai benih-benih nilai di jiwa-jiwa suci
harapan nusabiar perkasa menangkis segala
pengaruh negatif
demi melonjakkan ketamadunan
bangsadi dada langit globalisasi


Sekolahku SEJAHTERA
terjamin keselamatan anak bangsa
meneroka segala ilmu dan kemahiran tuntutan
zamanbiar gah nama Malaysia di persada
dunia.

AB RodzTaipin

Bahan 2: Dialog

Pengaruh modenisasi yang begitu meluas menjadi cabaran dalam pelaksanaan sekolahku SEJAHTERA kerana pengaruh modenisasi banyak mempengaruhi sikap generasi kini.

Saya setuju. Bukan mudah hendak mengubah sikap yang sudah sebatidalam diri murid. Tambahan pula, masih terdapat ramai ibu bapa yang mengabaikan penerapan nilai dalam diri anak-anak.



Set 5

*Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1: Petikan

Pandemik yang melanda dunia akibat penularan wabak COVID-19 telah menyebabkan masyarakat di seluruh dunia mengubah norma kehidupan. Antara norma baharu yang dipraktikkan ialah pembelajaran secara dalam talian atau pendidikan secara maya.. Sebenarnya pendidikan secara maya telah pun diadakan sejak aplikasi panggilan video seperti Skype diterbitkan. Namun pendidikan secara maya tidak dilaksanakan secara menyeluruh sehingga proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) diperkenalkan.

Pelbagai kaedah telah digunakan oleh para guru yang begitu komited untuk memastikan setiap murid dapat meneruskan pembelajaran walaupun dalam keadaan serba mencabar. Bagi mereka yang tidak mempunyai masalah capaian, guru digalakkan menggunakan pelbagai aplikasi instruksional dalam talian untuk membantu mereka menjadikan kelas lebih kondusif untuk pembelajaran. Kini collaborative tools atau perisian kolaboratif seperti Padlet, Quizziz, Nearpod atau Kahoot digunakan secara meluas oleh para guru di negara ini. Murid yang menghadapi masalah capaian tidak dipinggirkan, warga pendidik menyediakan modul bercetak yang dapat diambil oleh ibu bapa di sekolah, malah terdapat juga guru-guru di kawasan pedalaman yang mengambil inisiatif meredah perjalanan yang sukar menghantar modul PdP demi memastikan setiap murid tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

Pembelajaran dalam talian antara murid dengan guru dilihat dapat meningkatkan kemahiran teknologi. Hal ini demikian kerana guru dan murid perlu menggunakan komputer, tablet atau telefon bimbit serta capaian Internet untuk menjalankan pembelajaran secara dalam talian. Selain itu, pendidikan maya menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif dan mudah. Tambahan pula, murid mempunyai kelebihan untuk mencari sendiri maklumat lebih lanjut tentang sesuatu topik yang dipelajari menggunakan enjin carian seperti Google dan Yahoo. Pendidikan secara dalam talian telah membuka peluang kepada pendidikan jarak jauh tanpa batasan. Justifikasinya, walaupun guru atau pensyarah berada di kampungnya yang terletak di Kota Bharu, Kelantan, murid yang menetap di Johor Bahru masih dapat menyertai kelas yang diadakan secara maya.

Gerakan membudayakan pembelajaran dalam talian hanya akan berjaya sekiranya murid, guru dan pensyarah komited terhadap setiap sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Selain meningkatkan kompetensi digital, pensyarah, guru dan murid perlu lebih berani untuk meneroka, mencuba dan membiasakan diri dengan norma baharu pembelajaran dalam talian dan seterusnya memperbaiki diri dalam setiap ruang dan peluang yang ada untuk meningkatkan kemahiran pedagogi pembelajaran dalam talian.

Dipetik dan diubah suai daripada Pendidikan Maya Atas Talian, Koleksi Karangan SPM, 28 Ogos 2021

Bahan 2: Grafik



SELAMAT MENJAWAB
PEPERIKSAAN
MATA PELAJARAN
BAHASA MELAYU KERTAS 1
DAN KERTAS 2 PADA
20 FEBRUARI 2023



SKEMA JAWABAN MODUL PLC MEGA BM TAHUN 2022

KERTAS 1 (100 MARKAH)

BAHAGIAN A [30 MARKAH]		
BIL.	SET MODUL	HALAMAN
1	SET 1	5
2	SET 2	6
3	SET 3	7
4	SET 4	8
5	SET 5	9
BAHAGIAN B [70 MARKAH]		
6	SET 1	10
7	SET 2	18
8	SET 3	23
9	SET 4	24
10	SET 5	29

KERTAS 2 (100 MARKAH)

SOALAN 1: MORFOLOGI		
BIL.	SET MODUL	HALAMAN
1	SET 1	31
2	SET 2	31
3	SET 3	31
4	SET 4	31
5	SET 5	32
SOALAN 2: SINTAKSIS		
6	SET 1	32
7	SET 2	32
8	SET 3	33
9	SET 4	33
10	SET 5	34
SOALAN 3: PENYUNTINGAN		
11	SET 1	34
12	SET 2	34
13	SET 3	35
14	SET 4	35
15	SET 5	35-36
SOALAN 4: BAHASA STANDARD		
16	SET 1	36

17	SET 2	36
18	SET 3	37
19	SET 4	37
20	SET 5	37
SOALAN 5: PERIBAHASA		
21	SET 1	37
22	SET 2	38
23	SET 3	38
24	SET 4	38
25	SET 5	38-39
SOALAN 6: PEMAHAMAN UMUM		
26	SET 1	41
27	SET 2	42
28	SET 3	46
29	SET 4	44
30	SET 5	45
SOALAN 7: PEMAHAMAN SASTERA		
31	SET 1	46
32	SET 2	47
33	SET 3	49
34	SET 4	50
35	SET 5	51
SOALAN 8: PEMAHAMAN NOVEL		
36	SET 1	52
37	SET 2	53
38	SET 3	54
39	SET 4	55
SOALAN 9: RUMUSAN		
39	SET 1	56
40	SET 2	57
41	SET 3	58
42	SET 4	59
43	SET 5	60

KRITERIA PENSKORAN KARANGAN BAHAGIAN A

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	26-30 atas (28-30) (26-27) bawah	<u>Tema/Tugasan</u> -Karangan menepati tema bahan rangsangan <u>Idea</u> -Idea relevan, huraian jelas dan matang <u>Bahasa</u> -Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat, Bahasa bervariasi, penggunaan tanda baca betul dan tepat, menggunakan ungkapan menarik <u>Pengolahan</u> -Pengolahan menarik dan berkesan, pemerenggan sesuai -Laras bahasa sesuai
KEPUJIAN	20-25 atas (23-25) (20-22) bawah	<u>Tema/Tugasan</u> -Karangan menepati tema bahan rangsangan <u>Idea</u> -Idea relevan, huraian jelas <u>Bahasa</u> -Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas, bahasa bervariasi, penggunaan tanda baca betul dan tepat <u>Pengolahan</u> -Pengolahan menarik, pemerenggan sesuai -Laras bahasa sesuai
MEMUASKAN	15-19 atas (17-19) (15-16) bawah	<u>Tema/Tugasan</u> -Karangan masih menepati tema bahan rangsangan <u>Idea</u> -Idea masih relevan, huraian masih jelas <u>Bahasa</u> -Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata masih luas/terhad, bahasa masih bervariasi, penggunaan tanda baca masih betul dan tepat <u>Pengolahan</u>

		-Pengolahan masih menarik, pemerenggan masih sesuai -Laras bahasa masih sesuai
PENGUASAAN MINIMUM	10-14 atas (12-14) (10-11) bawah	<u>Tema/Tugasan</u> -Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan <u>Idea</u> -Idea kurang relevan, huraian kurang jelas <u>Bahasa</u> -Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata terhad, unsur bahasa kurang bervariasi, kesalahan ejaan yang ketara <u>Pengolahan</u> -Pengolahan kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai -Laras bahasa kurang sesuai
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01-09 atas (06-09) (01-05) bawah	-Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis -Idea tidak menepati tema bahan rangsangan/tugasan -Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

SKEMA SET 1
KARANGAN A
[30 Markah]

1. Format penulisan komen:

Contoh:

T- menepati tema

I - relevan, huraian jelas

B-gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas

P-sangat menarik dan berkesan

2. Kehendak / tugas soal:

i- Calon perlu menghurai tentang **kelebihan E-Sukan.**

ii-Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:

- Semangat kesukanan yang tinggi
- Menjana pendapatan
- Disiplin yang tinggi

iii- Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.

iv- sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan kelebihan e-sukan – diterima dan tanda seperti biasa.

v- Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum kepujian.

vi- Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat KEPUJIAN.

vii- Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat MEMUASKAN

SKEMA SET 2
KARANGAN A
[30 Markah]

1. Format penulisan komen:

Contoh:

T- menepati tema

I - relevan, huraian jelas

B-gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas

P-sangat menarik dan berkesan

2. Kehendak / tugas soal:

i- Calon perlu menghurai tentang **cara menggalakkan budaya membaca.**

ii- Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:

- Penganjuran pelbagai bentuk aktiviti membaca
- Penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur
- Pembangunan minat membaca dalam kalangan remaja

iii- Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.

iv- Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan kelebihan budaya membaca– diterima dan tanda seperti biasa.

v- Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum kepujian.

vi- Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat KEPUJIAN.

vii- Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat MEMUASKAN

SKEMA SET 3
KARANGAN A
[30 Markah]

1. Format penulisan komen:

Contoh:

T- menepati tema

I - relevan, huraian jelas

B-gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas

P-sangat menarik dan berkesan

2. Kehendak / tugas soal:

i- Calon perlu menghurai tentang **ciri-ciri pelajar cemerlang**.

ii- Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:

- pengurusan masa yang cemerlang
- melakukan tindakan luar biasa
- mempunyai matlamat

iii- Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.

iv- sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan ciri pelajar cemerlang– diterima dan tanda seperti biasa.

v- Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum kepujian.

vi- Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat KEPUJIAN.

vii- Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat MEMUASKAN

SKEMA SET 4
KARANGAN A
[30 Markah]

1. Format penulisan komen:

Contoh :

T- menepati tema

I - relevan, huraian jelas

B-gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas

P-sangat menarik dan berkesan

2. Kehendak / tugas soal:

i- Calon perlu menghurai tentang **langkah memupuk semangat kejiranan.**

ii- Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:

- Komuniti beriadah
- Sambutan perayaan
- Jualan amal

iii- Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.

iv- sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan ciri pelajar cemerlang– diterima dan tanda seperti biasa.

v- Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum kepujian.

vi- Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat KEPUJIAN.

vii- Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat MEMUASKAN

SKEMA SET 5
KARANGAN A
[30 Markah]

1. Format penulisan komen:

Contoh :

T- menepati tema

I - relevan, huraian jelas

B-gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas

P-sangat menarik dan berkesan

2. Kehendak / tugas soal:

i- Calon perlu menghurai tentang **kebaikan perkhidmatan e-panggilan.**

ii- Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:

- Tempahan makanan
- Penghantaran barangan
- Pengangkutan

iii- Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.

iv- sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan ciri pelajar cemerlang– diterima dan tanda seperti biasa.

v- Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum kepujian.

vi- Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat KEPUJIAN.

vii- Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat MEMUASKAN

SKEMA SET 1
KARANGAN B
[70 Markah]

Soalan 1

Pendahuluan

Dalam meniti arus kemodenan yang berteraskan sains dan teknologi maklumat, faktor kesihatan masyarakat pada hari ini berada pada tahap yang membimbangkan pihak berkuasa terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia. Semakin hari, masalah wabak pelbagai penyakit semakin menjalar dalam kalangan masyarakat tanpa mengira usia tua atau muda.

Isi 1: Pengambilan makanan seimbang

Pengambilan makanan seimbang bermaksud pengambilan makanan oleh seseorang individu yang mengandungi semua nutrien dan multivitamin yang diperlukan oleh tubuh badan secara seimbang.

Sekiranya kita mengutamakan pemakanan yang sihat sudah pasti tubuh badan kita akan kekal sihat.

Isi 2: Melakukan aktiviti rekreasi

kegiatan rekreasi merupakan aktiviti yang berfaedah terutama untuk mengisi masa lapang, merehatkan minda dan mengelakkan stress

Isi 3: Menyertai aktiviti sukan di sekolah

Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan pelaksanaan Program 1 Murid 1 Sukan yang mewajibkan pelajar sekurang-kurang menyertai satu aktiviti sukan di sekolah. Bahkan juga, Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah 10% syarat kemasukan ke universiti berdasarkan pencapaian pelajar dalam bidang kokurikulum antaranya sukan permainan. Namun, pelaksanaan program ini belum mencapai objektifnya kerana sebilangan pelajar masih belum membudayakan diri mereka untuk bersukan. Permasalahan berkenaan terus berlaku akibat masyarakat masih belum mengetahui manfaat dan kepentingan sukan dalam kehidupan mereka.

Isi 4: Melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala

Apabila kita melakukan rawatan kesihatan secara berskala sekurang-kurangnya tiga bulan sekali perkembangan kesihatan kita boleh dipantau oleh pengamal perubatan atau doktor dengan sebaik-baiknya. Kita dapat mengesan penyakit pada peringkat awal - Akan memudahkan mereka untuk mendapat rawatan yang sepatutnya. Secara langsung pengesanan awal boleh menyelamatkan nyawa.

Penutup

Kita seharusnya mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menjaga kebersihan dan kesihatan diri - Semua pihak perlulah memainkan peranan dalam memupuk sikap mencintai kebersihan dan kesihatan diri - melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Soalan 2

Pendahuluan

Penularan wabak COVID-19 secara global telah menjangkiti lebih 100 juta manusia dan mengakibatkan kehilangan lebih 2 juta nyawa setakat ini.

Selain itu, penyebaran jangkitan koronavirus juga telah mengubah corak kehidupan manusia serta merencatkan pertumbuhan ekonomi dengan begitu drastik.

Isi 1: Menjaga jarak 1 meter

Penjarakan fizikal (physical distancing) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

Elakkan bersalaman dan bersentuhan terutamanya orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya.

Sekiranya keadaan memaksa untuk keluar seperti membeli barang atau ke tempat kerja atas urusan yang tidak dapat dielakkan, pastikan menjaga jarak satu meter supaya tidak bersentuhan.

Isi 2: Melakukan Saringan dan mendapatkan rawatan segera jika bergejala

Individu yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi.

Individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan.

Masyarakat perlu membantu kerajaan dengan tampil secara sukarela dan menjalani pemeriksaan saringan yang ditetapkan.

Mencegah lebih baik daripada merawat.

Isi 3: Memakai topeng muka dengan betul

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu terutamanya memakai topeng muka. Sekiranya tidak sihat seperti batuk atau selsema, pakailah topeng muka dan segeralah mendapatkan rawatan di klinik atau hospital.

Jangan menggunakan topeng muka yang sama berulang-ulang kali.

sebaiknya keraplah menukar topeng muka dari semasa ke semasa.

Isi 4: Kuarantin Kendiri

Berkuatkuasa 24 Julai, kerajaan mewajibkan prosedur Kuarantin Wajib 14 hari kepada mana-mana warga asing atau rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara di Stesen Kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan, sama ada di institut latihan awam atau hotel.

Akibat kegagalan mematuhi perintah, tiada lagi kuarantin di rumah dan antara impak utama situasi ini adalah penggunaan semula hotel yang sebelum ini ditutup sebagai stesen kuarantin.

Isi 5: Meningkatkan kebersihan diri dan kawasan rumah

Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Sentiasa mengutamakan kebersihan diri seperti kerap mandi dan kerap mencuci tangan dengan betul menggunakan sabun atau menggunakan bahan pencuci tangan (hand sanitizer).

Selain itu, disinfeksi kawasan rumah juga sangat digalakkan untuk membasmi kuman dan virus.

Penutup

Kesimpulannya, Kerajaan sudah memainkan peranan mereka untuk membasmi virus COVID-19 dengan seriusnya,

Maka marilah kita menyokong usaha kerajaan untuk memulihkan keadaan supaya boleh kembali kepada sedia kala.

Diharapkan dalam tempoh ini, negara kita akan pulih dan wabak ini boleh dikawal.

Soalan 3

Pendahuluan

Masalah obesiti atau kegemukan dalam kalangan remaja semakin meningkat dan membimbangkan banyak pihak.

Ibu bapa pada masa ini yang sibuk dengan kerjaya masing-masing tidak mampu menjaga pemakanan remaja yang menyebabkan mereka tidak mengambil berat terhadap makanan yang diambil.

Keburukan obesiti

Isi 1: Terdedah kepada penyakit kronik yang membahayakan nyawa

Pengumpulan lemak yang berlebihan pada badan akan meningkatkan tekanan darah remaja.

Obesiti juga akan meningkatkan risiko untuk mendapat diabetes atau lebih dikenali sebagai kencing manis.

Sehubungan dengan itu, arteri yang tersumbat oleh lemak meningkatkan tahap seseorang untuk mengalami serangan jantung.

Jelaslah bahawa obesiti mendatangkan banyak penyakit kronik pada badan kita.

Remaja yang mengalami obesiti akan menghadapi risiko menghadapi penyakit ini pada masa akan datang sekiranya gaya hidup mereka tidak berubah.

Isi 2: Masalah Psikologi

Remaja yang gemuk akan mudah dipersendakan oleh rakan-rakan mereka. Remaja yang obesiti ini akan menyepikan diri daripada rakan-rakan lain dan tidak mahubergaul.

Mereka akan berasa malu, rendah diri, menganggap diri mereka tidak menarik dan sentiasa berada dalam dunia sendiri.

Remaja ini juga mungkin menghadapi masalah psikologi seperti penyakit bulimia nervosa.

Mereka juga mungkin akan yang mengambil pil pelangsing badan untuk menurunkan berat badan dengan cara pantas.

Di samping itu, remaja mungkin cenderung melakukan perkara yang mencederakan diri berikutan mereka sering dikaitkan dengan masalah kecelaruan identiti.

Isi 3: Pergerakan fizikal dan sosial menjadi terbatas

Berat badan yang berlebihan menghalang remaja daripada melakukan aktiviti seperti berjoging, berenang, dan kayuh basikal.

Mereka akan mudah lesu dan tidak mampu melakukan aktiviti yang keterlaluan kerana cepat letih.

Mereka akan kesukaran bernafas dan mungkin menghadapi asma sejak kecil lagi.

Mereka akan mempunyai kehidupan yang pasif dan badan mereka tidak cergas.

Cara mengatasi obesiti

Isi 4: Mengamalkan pemakanan seimbang

Piramid makanan bolehlah dijadikan panduan dengan memperbanyak makanan yang mengandungi kandungan karbohidrat, protin, vitamin dan mineral yang sesuai dengan tubuh remaja yang sedang membesar.

Ibu bapa juga memainkan peranan penting dengan memastikan makanan yang dihidangkan seimbang dan sihat.

Remaja juga perlulah mendisiplinkan diri dengan mengelak mengamalkan diet yang tidak seimbang.

Mereka patut bersikap "makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang".

Isi 5: Melakukan senaman

Remaja juga boleh mengamalkan gaya hidup yang sihat dengan bersenam 3 kali seminggu dan 30 minit setiap hari.

Aktiviti berjalan kaki cepat, senamrobik, berenang, bermain bola sepak dan sebagainya boleh dilakukan untuk memulakan gaya hidup yang aktif.

Melatih tubuh badan untuk menjadi cergas dan meningkatkan metabolisme badan untuk mengelak daripada dihidapi penyakit.

Mereka haruslah mengawal diri sekiranya mereka makan dengan banyak apabila berasa bosan atau mengalami tekanan.

Mereka sepatutnya berfikiran positif dan yakin terhadap diri sendiri

Penutup

obesiti memang mendatangkan banyak keburukan seperti terdedah kepada penyakit kronik, mengalami masalah psikologi dan membataskan pergerakan fizikal dan sosial.

Namun demikian, seperti yang dinyatakan oleh peribahasa hanya jauhari mengenal manikam, segala masalah pasti ada penyelesaiannya, begitu juga dengan masalah obesiti yang dihadapi oleh remaja di negara kita.

Oleh itu, sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab terhadap masa depan remaja yang menjadi tonggak kepimpinan negara kita pada masa hadapan, mereka berperanan mendidik anak-anak.

Soalan 4

Pendahuluan

Kemajuan dalam sektor perindustrian telah dikecapi hari ini sedikit tercalar impak daripada sikap manusia yang tidak bertanggungjawab ini.

Alam sekitar yang bersih penting dalam kehidupan kita dan langkah-langkah yang positif perlu dilakukan

Isi 1: Mengurangkan penggunaan bahan kimia

Salah satu langkah yang perlu diambil untuk menangani masalah kebersihan alam sekitar ialah mengurangkan penggunaan bahan kimia kerana bahan kimia akan mendatangkan pencemaran.

Hal ini jelas akan mendatangkan impak dalam jangka masa yang panjang kepada alam sekitar.

Perkara yang dimaksudkan ialah penggunaan racun serangga dan penghawa dingin merupakan salah satu kesan yang paling ketara dan serius.

Akibatnya, penipisan lapisan ozon dan air bawah tanah oleh kloroflurokarbon (CFC) amat bahaya kepada masyarakat di Malaysia.

Isi 2: Proses kitar semula

Bahan-bahan buangan boleh diproses semula untuk digunakan sekali lagi dan kita boleh mengklasifikasikan bahan-bahan yang tidak diperlukan di dalam tong-tong kitar semula yang telah disediakan.

Sebagai contoh, bahan buangan boleh diproseskan menjadi baja nutrien bagi menghindarkan pembaziran dan surat khabar boleh dijadikan sebagai tisu.

Melalui cara ini, negara dapat menjimatkan kos sekali gus dapat menjaga kebersihan alam sekitar.

Isi 3: Memperketatkan undang-undang alam sekitar

Selain itu, kerajaan perlu memperketatkan undang-undang alam sekitar yang menyeluruh.

Hal ini boleh membantu menjaga alam sekitar kita dengan lebih efektif.

Pelepasan asap kilang dan pembuang sisa toksik ke dalam sungai mahupun laut secara terbuka oleh pengusaha kilang boleh menjejaskan ekosistem.

undang-undang harus diketatkan lagi oleh pihak berkuasa supaya dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar

Isi 4: Kempen kesedaran sivik

Melalui kempen kesedaran ini, masyarakat mendapat kesedaran untuk menjaga kebersihan alam sekitar.

Dengan cara ini dapat membendung dan memastikan bahawa kualiti kebersihan alam sekitar sentiasa bersih dan dijaga.

Masyarakat haruslah memperkasakan usaha dengan menyokong kempen "Cintailah Sungai Kita".

Mereka perlu mempunyai kesedaran dan meningkatkan ilmu mengenai kesan pencemaran sungai.

Penutup

Masyarakat Malaysia perlulah melakukan anjakan paradigma dan sentiasa peka terhadap isu-isu alam sekitar.

Rakyat perlulah bersatu padu yang diibaratkan seikat seperti sirih, serumpun seperti serai dalam melakukan kewajipan yang patut dilaksanakan.

Kita perlulah mengekalkan kualiti kehidupan yang selesa untuk mewujudkan hubungan harmoni antara manusia dengan alam sekeliling.

Kesan buruk sekiranya tidak menghargai usaha pemeliharaan alam amatlah sukar digambarkan pada masa akan datang kelak.

Masyarakat wajib mengekalkan keseimbangan alam sekeliling sebagai tanggungjawab bersama untuk kesejahteraan hidup.

SKEMA SET 2

KARANGAN B

[70 Markah]

Bahagian B

Soalan 1

Domain Kerjaya (*rencana akhbar tentang sebab-sebab jurulatih tempatan perlu dilantik untuk membimbing ahli sukan negara*).

Pendahuluan:

- Isu sukan tanah air semakin meniti di bibir masyarakat
- Peminat sukan mula mempersoalkan keupayaan jurulatih import
- Jurulatih tempatan setanding dengan jurulatih import

Isi 1: Mempercayai kebolehan Jurulatih Tempatan

- Kemahiran setara dengan jurulatih luar
- Jurulatih tempatan bukan dipilih secara sambal lewa
- Mempunyai sijil dan kejurulatihan di luar negara

Isi 2: Sudah masak dengan corak, budaya dan taktikal atlet atau pemain Malaysia

- memahami tahap kemahiran atlet
- berdasarkan pengalaman mewakili negara – dapat mengenal pasti kelemahan atlet

- Membentuk pasukan yang mantap
- Contoh Zainal Abidin Hassan – bekas pemain bola sepak negara – menjadi jurulatih bola sepak negara.

Isi 3: Mudah berkomunikasi dengan atlet

- penggunaan Bahasa Melayu
- dapat menjelaskan idea, taktikal dengan jelas
- Komunikasi lancar – dapat memberi arahan yang jelas semasa permainan bermula

Isi 4: Lebih memahami situasi yang dihadapi oleh atlet

- jurulatih tempatan mempunyai pengalaman yang luas
- lebih memahami keperluan anak didik
- dapat mengesan dengan kadar segera atlet yang menghadapi tekanan emosi ataupun fizikal

Isi 5: Hubungan baik dengan pihak pengurusan sukan

- sudah mengenali pihak atasan
- membolehkan urusan pentadbiran dan kewangan berjalan lancar
- kewangan ahli sukan dapat distabilkan semula

Soalan 2

Domain Awam (*Huraikan usaha-usaha yang perlu diambil untuk meningkatkan mutu sukan negara*)

Pendahuluan:

- Pencapaian atlet negara sangat mengecewakan
- mutu sukan negara mengalami kemerosotan
- menimbulkan tanggapan negatif peminat sukan di Malaysia

Isi 1: Usaha Primer- menyediakan kemudahan dan peralatan sukan

- bagi meningkatkan prestasi atlet
- kemudahan padang, infrastruktur- peralatan sukan yang lengkap dan canggih
- Contohnya, velodrome dan gelanggang badminton
- atlet lebih selesa untuk bersaing di peringkat antarabangsa

Isi 2: Mengupah jurulatih asing yang professional

- memberi tunjuk ajar yang bernas
- mempunyai pengalaman yang luas di peringkat antarabangsa
- latihan yang lebih bersistematik berasaskan sains
- menggunakan teknik latihan terkini dan kemahiran bertaraf dunia

Isi 3: Pemberian insentif lumayan

- menyuntik semangat atlet
- diberikan dalam bentuk wang atau pekerjaan
- atlet tidak perlu risau apabila mereka bersara dalam era sukan

Isi 4: Mengadakan program “mencungkil bakat”

- membentuk atlet sejak dari bangku sekolah
- atlet muda yang berbakat akan dipilih untuk digilap
- pendidikan tidak akan diabaikan

Isi 5: Penubuhan sekolah-sekolah sukan

- mampu melahirkan ramai atlet yang berbakat

Kesimpulan:

- memerlukan komitmen dari semua pihak
- “kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya”
- “Majulah sukan untuk negara”
- Semoga mutu sukan negara terus berkembang

Soalan 3

Domain Peribadi (*faedah-faedah mempelajari seni pertahanan diri*)

Pendahuluan:

- Seni mempertahankan diri – membantu menangkis serangan daripada musuh
- Golongan ibu bapa semakin menggalakkan anak-anak bergiat dalam seni mempertahankan diri
- Jenis seni mempertahankan diri – silat, wushu, tomoi, silambam

Isi 1: Mempertahankan diri apabila terancam

- banyak gejala peras ugut, rogol, ragut dan sebagainya
- menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak
- wajar melakukan sesuatu daripada diancam
- menggunakan teknik sewaktu kecemasan

Isi 2: menyihatkan tubuh badan

- mengelakkan diri daripada terkena penyakit
- menggerakkan semua otot
- senaman yang dapat membantu menguatkan otot-otot badan

Isi 3: satu wadah untuk menambah kenalan

- berlatih dan berinteraksi untuk menambah kenalan
- boleh berkongsi pengalaman dan ilmu yang dipelajari

Isi 4: Melahirkan masyarakat yang berdisiplin

- Disiplin sangat penting dalam seni mempertahankan diri
- terapkan nilai-nilai murni dalam diri

Isi 5: Meningkatkan keyakinan diri

- lebih mempercayai kekuatan diri sendiri
- berdikari tanpa mengharapkan bantuan orang lain

Kesimpulan:

- mendatangkan banyak kebaikan kepada semua yang mempelajarinya
- semua pihak perlu berganding bahu untuk mengembangkan seni mempertahankan diri di negara ini.

Soalan 4

Domain Pendidikan (*Huraikan pendapat anda tentang cara-cara untuk mempromosikan kelab sukan sekolah*)

Pendahuluan:

- Kelab sukan salah satu kelab yang terdapat di sekolah
- murid wajib mengambil bahagian dalam satu daripada kelab sukan
- murid akan memilih sukan yang diminati

Isi 1: Perancangan tahunan sukan yang tersusun

- ahli jawatankuasa perlu menyusun rancangan tahunan supaya murid lain kelab sukan aktif dan menarik
- sediakan brosur yang menarik

Isi 2: memperbanyakkan aktiviti luar

- promosikan kelab atau persatuan sukan di sekolah
- aktiviti yang dilakukan perlukan mencabar minda dan fizikal pelajar
- aktiviti bersama sekolah lain atau komuniti

Isi 3: AJK perlu bijak mendapatkan penaja

- kurangkan yuran kelab sukan
- melaksanakan aktiviti yang terancang
- penajaan daripada pemimpin-pemimpin masyarakat.

Isi 4: aktiviti yang dianjurkan perlulah berkonsepkan didik hiburan

- remaja suka akan hiburan
- didik hiburan perlu diseimbangkan dengan pendidikan
- pertandingan bukan hanya melibatkan pemain tetapi kumpulan sorak

Isi 5: sentiasa memperagakan identiti kelab sukan

- kelab akan mudah dikenali oleh pelajar
- ahli kelab berbangga mempromosikan kelab
- memperkenalkan tag nama dan baju kelab sukan

Kesimpulan:

- Kegigihan mempromosikan kelab sukan
- perasaan sayang akan kelab
- usaha kreatif perlu berterusan

SKEMA SET 3
KARANGAN B
[70 Markah]

ISI-ISI PENTING

- ✓ Kurang mahir menggunakan teknologi
- ✓ Perubahan iklim dan cuaca
- ✓ Kekurangan modal
- ✓ Masalah tenaga buruh
- ✓ Daya saing yang lebih tinggi
- ✓ Kurang motivasi

SKEMA SET 4
KARANGAN B
[70 Markah]

Cadangan Isi Bahagian B

Isu	Kerjaya sebagai penulis
Tugasan	Persediaan-persediaan yang perlu anda lakukan jika ingin menceburi kerjaya sebagai penulis.
Isi	1. Saya akan mengikuti kursus penulisan 2. Saya akan membeli buku yang berkualiti 3. Saya akan menyertai pertandingan sayembara penulisan 4. Saya akan mengambil jurusan penulisan di universiti

Soalan 2 - Awam

Pendahuluan

* Zaman atom — memperlihatkan perkembangan sains dan teknologi yang pesat - bidang sastera diabaikan —remaja jarang didedahkan - tidak mengenali karya saatera

Isi-isi penting

ibu bapa memberi pendedahan di rumah - membaca karya sastera.rakyat kepada remaja di rumah - mengetahui cara hidup dan budaya masyarakat - menghayati keindahan karya sastera - membesar dalam persekitaran yang. dikelilingi karya sastera — minat ditingkatkan

Media massa menguar-uarkan maklumat tentang bidang sastera - promosi berterusan meningkatkan pengetahuan remaja dalam bidang ini mengetahui peluang kerjaya - membuat perancangan masa depan - remaja lebih bersedia — tidak terlepas peluang yang disediakan

Pihak kerajaan mengadakan aktiviti berkaitan bidang sastera - pameran - mengenali bidang sastera dengan lebih dekat - pelbagai aktiviti boleh dirancang - menarik minat

syarikat penerbitan menerbitkan lebih banyak karya Sastera — sesuai dengan tahap pemikiran remaja - Isu yang melingkari alam remaja - lebih senang difahami - dekat dengan kehidupan mereka - jiwa untuk meneruskan usaha dalam bidang sastera

Penutup

Semua pihak berganding bahu - bidang sastera tidak boleh diketepikan - berupaya mengubah pemikiran masyarakat - idea untuk memajukan negara - remaja yang berfikiran terbuka dapat dilahirkan

Soalan 3 - Pendidikan

Pendahuluan:

* Seperti yang kita ketahul, slogan “Bahasa Jiwa Bangsa’acap kali diuar-uarkan di dada-dada akhbar, di corong-corong radio dan televisyen - sejak berkurun-kurun lamanya bahasa Melayu gah di nusantara — pernah menjadi lingua franca ketika zaman kegemilangan Melaka —Setiap pihak harus menggembeleng tenaga dalam memartabatkan bahasa Melayu—menguasai bahasa Melayu - Bahasa Melayu mempunyai pelbagai kepentingan

Isi-isi penting:

* Kepentingan bahasa Melayu - memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum — rakyat Melayu berkomunikasi sesama warganegara dengan menggunakan satu bahasa - dapat memupuk semangat bersatu padu - bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melambangkan jiwa bangsa, yakni bangsa Malaysia — bahasa kebangsaan yang satu dan seragam merupakan asas perpaduan sesebuah negara

* Dapat menyemarakkan semangat cinta akan negara kita melalui penggunaan bahasa Melayu — slogan “Malaysia Boleh” yang menggunakan bahasa kebangsaan berjaya membangkitkan semangat rakyat Malaysia — lebih mencintai negara — dalam bidang sukan — slogan “Malaysia

Boleh” yang dilaung-laungkan dapat menyemarakkan kejayaan atlet dan menyatupadukan rakyat — bahasa Melayu penting dalam memupuk integrasi dan perpaduan kaum

* Boleh berkomunikasi dengan mudah — bahasa Melayu menjadi alat perhubungan — boleh menyampaikan. Mesej dengan mudah — memahami pertuturan orang lain — mengelakkan perselisihan faham — saling menghormati — toleransi— semua lapisan masyarakat menggunakan bahasa Melayu — penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan utama - mengatasi masalah komunikasi

* Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa ilmu dalam bidang pendidikan — terkandung dalam Laporan Razak pada tahun 1957 dan tahun 1961 — bertujuan untuk memungkinkan bahasa Melayu digunakan sepenuhnya sebagai bahasa kebangsaan - diberikan tempat sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan — dapat berkembang menjadi bahasa yang moden - mampu menjadi asas pembinaan negara bangsa yang maju dan berdaulat.

Penutup:

* Konklusinya — bahasa Melayu — wahana yang sangat penting - kuasai dengan sebaik-baiknya — berbangga menggunakan bahasa kebangsaan - martabat dan nama baik bahasa Melayu wajar dijaga - bahasa Melayu wajar diletakkan pada kedudukan teratas.

Soalan 4 - Peribadi

Isi-isi cadangan

Punca

- Sikap kurang yakin masyarakat Malaysia terhadap Bahasa Melayu. Kebanyakan masyarakat berpandangan bahawa tiada gunanya mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa tersebut akan lenyap ditelan zaman.
- Sikap rakyat Malaysia yang mengagung-agungkan bahasa Inggeris. Kebanyakan penduduk negara kita berpendapat bahawa Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang terulung di dunia. Walau bagaimanapun, rakyat Malaysia harus sedar bahawa Bahasa Inggeris bukanlah bahasa yang mempunyai paling ramai penutur di dunia ini. Bahasa Inggeris hanyalah merupakan lingua franca, iaitu bahasa pertuturan yang paling utama dan meluas. Hal ini demikian kerana penggunaannya adalah sebagai ‘penyambung lidah’ antara bangsa-bangsa yang berlainan.
- Kurangnya semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini demikian kerana masyarakat kurang menjiwai dan sayang akan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Contohnya, sikap penduduk di Perancis. Mereka tidak akan melayan bangsa asing yang bertutur dalam bahasa Inggeris. Sebaliknya, jika kita sendiri bertutur dalam bahasa Melayu, mereka akan melayan kita dengan sebaik mungkin. Sifat cinta akan bahasa sendiri inilah yang perlu wujud dalam diri setiap masyarakat Malaysia. Seseorang rakyat yang mencintai negaranya pasti tidak akan mengabaikan bahasa kebangsaannya.
- Penggunaan bahasa dalam media cetak dan media elektronik. Hal ini disebabkan kebanyakan media tidak menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu yang betul untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai. Penggunaan perkataan yang tidak sesuai yang ditonjolkan

dalam drama, filem, lagu-lagu, komik serta majalah sedikit sebanyak menjadi ikutan remaja masa ini. Akibatnya, mereka terbawa-bawa dalam kehidupan seharian.

- Sikap penutur. Fenomena ini berpunca daripada sikap segelintir penutur yang ingin menonjolkan kehebatannya dengan menguasai satu bahasa lagi. Kebanyakan penutur bahasa rojak biasanya amat sukar untuk berkomunikasi dalam persekitaran terutamanya dalam penggunaan bahasa Inggeris yang sebenar. Oleh itu, mereka akan melatih kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar serta mempraktikkan dalam perbualan harian walaupun tidak berkemahiran

Langkah atasi

Pihak yang paling berwajib dalam membendung fenomena ini ialah Dewan Bahasa dan Pustaka(DBP), Kementerian Pelajaran,Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan. Semua pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil inisiatif dengan duduk semeja dan berbincang mengenai isu ini. Bekas Ketua Pengarah DBP,Datuk A.Aziz Deraman memberitahu bahawa Akta DBP yang dipinda perlu mengatasi kuasa akta-akta yang lain. Hal ini bertujuan mengenakan tindakan undang-undang atas mereka yang mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa lain serta menggunakan bahasa kebangsaan dengan cara yang salah. Kerajaan sewajarnya memberikan penekanan yang lebih serius dalam menangani permasalahan ini.

Selain itu,ibu bapa perlu menerapkan budaya penggunaan bahasa Melayu yang betul terhadap anak-anak.Hal ini perlu dilakukan dari peringkat awal iaitu semasa anak-anak masih kecil. Penggunaan bahasa Melayu yang betul daripada ibu bapa akan dapat mengelak penggunaan bahasa rojak dalam kalangan anak-anak daripada terus berleluasa. Keadaan ini dapat ditafsirkan melalui pepatah melayu "melentur buluh biarlah dari rebungny".Oleh itu,bahasa Melayu yang betul tanpa dirojak dapat diterapkan terhadap anak-anak melalui paranan ibu bapa.

Selain itu,Mereka harus mengawal diri dalam menggunakan bahasa dalam sesuatu majlis supaya mereka sentiasa menggunakan bahasa yang betul, baik semasa menggunakan bahasa Melayu, mahupun Inggeris. Jika mereka menggunakan bahasa Melayu, biarlah sepenuhnya digunakan perkataan-perkataan Melayu begitu juga apabila berbahasa Inggeris. Keadaan ini akan menjadi ikutan kepada rakyat dan lama–kelamaan seluruh masyarakat dapat

menggunakan bahasa dengan betul. Jelaslah bahawa penggunaan bahasa yang betul oleh pemimpin masyarakat adalah penting dalam mengatasi gejala bahasa rojak.

Di samping itu, bagi mengelakkan bahasa rojak dan bahasa singkatan terus digunakan sikap pengguna sendiri perlu berubah. Sikap menganggap bahasa Melayu kolot dan tidak standard harus dihapuskan. Alasan yang menyatakan bahasa Melayu tidak mempunyai perbendaharaan kata yang cukup untuk mengungkapkan sesuatu idea tidak boleh diterima. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu bersifat terbuka dan sanggup menerima perkataan-perkataan Inggeris bagi menambahkan perbendaharaan katanya. Masyarakat seharusnya menyanjung tinggi terhadap bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu dan mengelakkan dirinya daripada menggunakan bahasa rojak. Sesungguhnya bagi mengelakkan menggunakan bahasa rojak memerlukan disiplin, komitmen dan latihan diri yang bersungguh-sungguh. Tuntasnya, sikap masyarakat perlu berubah supaya gejala ini dapat diatasi.

Akhir sekali, Peranan media massa juga penting bagi mengelakkan bahasa rojak dan bahasa singkatan digunakan secara berleluasa. Kini, masyarakat amat dipengaruhi oleh media massa terutamanya bagi golongan remaja. Program television, filem dan drama yang menggunakan bahasa rojak dan bahasa singkatan akan dipelajari oleh remaja. Keadaan ini disebabkan mereka mempunyai naluri yang tinggi untuk mencuba sesuatu. Seharusnya, program-program television yang mengandungi penggunaan bahasa rojak tidak boleh ditayang keluar. Sebagai contohnya, program “Gengstarz”, “One In A Million” dan “Akademi Fantasia” yang menggunakan bahasa rojak harus ditapis terlebih dahulu sebelum disiarkan. Natiyahnya, gejala ini dapat diatasi.

SKEMA SET 5
KARANGAN B
[70 Markah]

Soalan 1: Kepentingan menerapkan semangat patriotisme dan cinta akan negara dalam kalangan rakyat.

1. Memupuk perpaduan antara kaum
2. Membentuk masyarakat yang berdaya saing
3. Pemangkin kepada kemajuan negara
4. Menjadi teladan kepada generasi muda
5. Memelihara sejarah negara
6. Mengekalkan tradisi dan budaya tempatan

Soalan 2: Kepentingan dalam menguasai bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

1. Memudahkan komunikasi antara manusia
2. Menyumbang perkembangan industri kesihatan
3. Meningkatkan sektor pendidikan
4. Memelihara dan memulihara alam sekitar
5. Memudahkan pergerakan manusia
6. Meningkatkan hasil pertanian dan agrikultur

Soalan 3: Usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mengeratkan hubungan kejiiran.

1. Mewujudkan pusat komuniti dan rukun tetangga
2. Menggalakkan aktiviti bergotong-royong dan bersukan
3. Amalan kunjung-mengunjung
4. Peranan media massa
5. Menghormati hak masing-masing
6. Bersedia menawarkan bantuan yang mampu

Soalan 4: Kelebihan-kelebihan menggunakan sistem perdagangan elektronik kepada pengguna dan peniaga.

1. Urusan jual beli dapat dijalankan dengan lebih mudah dan cepat serta menjimatkan kos.
2. Peniaga dapat membuat promosi dengan mengiklankan produk melalui kemudahan Internet.
3. Membantu untuk meluaskan pasaran di serata dunia.
4. Membantu mengintegrasikan semua bahagian dalaman syarikat dengan sesebuah transaksi perniagaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan

SKEMA SOALAN 1: MORFOLOGI

SET 1

KATA NAMA TERBITAN

1. hadirin
2. bahagian
3. bilangan
4. kepentingan

KATA SENDI NAMA

1. di
2. Seperti
3. dalam
4. dengan
5. kepada

SET 2

KATA HUBUNG

1. bagi
2. untuk
3. yang
4. kerana
5. dan

KATA TERBITAN BERAWALAN

1. pemerintah
2. membendung
3. pegganas

SET 3

KATA GANDA

1. mandi-manda
2. lintang-pukang
3. gunung-ganang
4. sasa-sasa
5. masing-masing
6. tercari-cari
7. huru-hara

KATA SENDI NAMA

1. di
2. antara
3. dengan
4. pada
5. dalam

SET 4

KATA ADJEKTIF

1. menarik

2. sarat
3. kreatif

KATA MAJMUK

1. bual bicara
2. uji bakat
3. ruang niaga
4. gerai makanan

SET 5

Kata penguat

1. sungguh
2. sekali
3. agak

Kata kerja terbitan

1. dikenali
2. merentas
3. disulami
4. bersama-sama
5. meningkatkan

SKEMA SOALAN 2: SINTAKSIS

SET 1

Bina 3 ayat tanya

1. Apakah yang diletakkan di dalam akuarium atau kolam sebagai penyeri ruang rumah?
Yang diletakkan di dalam akuarium atau kolam sebagai penyeri ruang rumah apa?
2. Mengapakah sektor ikan hiasan merupakan industri penting negara?
Apakah sebab sektor ikan hiasan merupakan industri penting negara?
Sektor sektor ikan hiasan merupakan industri penting negara mengapa?
3. Siapakah yang perlu meningkatkan produktiviti bagi memenuhi pasaran tempatan dan antarabangsa?
Yang perlu meningkatkan produktiviti bagi memenuhi pasaran tempatan dan antarabangsa siapa?

SET 2 - Ayat bersusunan songsang

	Ayat bersusunan songsang	Markah
1	Tidak mengenang jasa tokoh-tokoh terdahulu masyarakat.	2
2	Hasil daripada segala usaha mereka demi menuntut kemerdekaan Malaysia kita yang aman dan makmur ini.	2

